

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan. Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan dan juga pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Aspek-aspek yang dianalisis oleh pengkaji adalah menyentuh tentang kaedah pengajaran bahasa Melayu untuk murid-murid pekak, kekerapan penggunaan kaedah pengajaran oleh Guru Sekolah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran (GSPKCP), penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM), serta faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pengajaran seperti sifat-sifat positif GSPKCP ke arah menyumbang kualiti pengajaran GSPKCP.

Data pemerhatian turut dianalisiskan bagi menguatkan lagi data kaedah pengajaran bahasa GSPKCP. Memandangkan data dalam soal selidik jumlahnya adalah 15 orang guru sahaja yang mengajar bahasa Melayu di tiga buah sekolah yang berlainan. Melalui data pemerhatian pengkaji dapat menyenaraikan lebih banyak lagi kaedah pengajaran selain yang terdapat dalam soal selidik. Gabungan data soal selidik dan pemerhatian dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kajian ini.

Sampel kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar BM di Sekolah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran (SPKCP). Semua sampel kajian terdiri daripada guru pendidikan khas yang telah lama berkhidmat dalam pengajaran BM dan terdapat juga guru yang baru mula berkhidmat sebagai guru BM di SPKCP. Hasil daripada analisis soal selidik terdapat seorang guru yang mempunyai anak cacat pendengaran. Oleh yang demikian pengkaji berkesempatan menemu bual guru yang mempunyai

anak cacat pendengaran. Dalam temu bual, guru ini telah berkongsi pengalaman tentang pendidikan anak cacat pendengaran.

#### **4.1 Kaedah Pengajaran BM Murid-Murid Pekak**

Hasil daptan kajian berdasarkan soal selidik dan pemerhatian terdapat banyak kaedah pengajaran yang digunakan oleh GSPKCP supaya murid-murid mereka dapat memahami dan menguasai bahasa dengan mudah. Dalam soal selidik kaedah BMKT (Bahasa Malaysia Kod Tangan) adalah perkara asas dan utama digunakan oleh GSPKCP untuk mengajar murid-murid pekak. Sementara dalam pemerhatian pula sifat-sifat positif guru menjadi faktor penyumbang kepada kaedah pengajaran bagi memantapkan mutu pengajaran dan pembelajaran BM murid-murid pekak. Huraian analisis kajian lebih mendalam dapat dilihat dalam bab ini.

#### **4.2 Latar Belakang Responden**

Analisis mengenai latar belakang responden ini akan menyentuh tentang kelulusan akademik, pengalaman mengajar serta pengetahuan responden tentang murid-murid pekak. Aspek yang akan dihuraikan melibatkan pengetahuan GSPKCP tentang kaedah pengajaran bahasa, kebolehan pembelajaran bahasa dalam kalangan murid-murid pekak, penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM), masalah pengajaran serta sebab-sebab berlakunya ketidakseragaman penguasaan bahasa murid-murid pekak.

##### **4.2.1 Kelulusan Akademik GSPKCP**

Berdasarkan Jadual di bawah, menunjukkan taburan kelulusan akademik GSPKCP. Didapati seorang guru yang memiliki sijil SPM/MCE dan 5 orang guru iaitu 33.3% memiliki Sijil Perguruan. Sementara 9 orang guru (60%) lagi memiliki Diploma Pendidikan. Manakala guru yang berkelulusan dalam ijazah pendidikan tidak terdapat

dalam kajian ini. Namun begitu, guru-guru ini memenuhi syarat sebagai guru yang terlatih dalam bidang perguruan.


#### **Jadual 4.1: Taburan Kelulusan Akademik GSPKCP**

<b>Kelulusan Akademik GSPK</b>	<b>Bil. Guru</b>	<b>Peratus</b>
SRP/ LCE		
SPM/MCE	1	6.7 %
STPM/HSC		
Sijil Perguruan	5	33.3%
Diploma Pendidikan	9	60 %
Ijazah Pendidikan		
Jumlah	15	100 %

#### **4.2.2 Kelulusan BM, SPM GSPKCP**

Berdasarkan Rajah 4.2 di bawah, menunjukkan taburan kelulusan Bahasa Malaysia peringkat SPM, didapati bahawa 13 orang guru iaitu 86.7%, memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM. Sementara 1 orang guru iaitu 6.7% memperolehi keputusan cemerlang dan 1 orang guru lagi iaitu 6.7% adalah lulus dalam peperiksaan Bahasa Malaysia peringkat SPM. Kelulusan BM merupakan syarat utama bagi seseorang untuk melayakkan diri bagi mengikuti kursus pengajaran BM untuk murid-murid cacat pendengaran. Berdasarkan kepada hasil analisis soal selidik, semua guru memperolehi kelulusan dan kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM. Jumlah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia adalah jumlah tertinggi berbanding dengan jumlah yang lulus dalam Bahasa Malaysia. Keputusan ini amat membanggakan.

**Rajah 4.2: Carta Pie Yang Menunjukkan Kelulusan Bahasa Malaysia Peringkat SPM GSPKCP**



#### **4.2.3 Pengkhususan Pengajaran GSPKCP**

Jadual 4.3 di bawah, menunjukkan bilangan guru yang mempunyai pengkhususan pendidikan khas cacat pendengaran adalah 5 orang guru iaitu 33.3%. Sementara 10 orang guru (66.7%) lagi mempunyai kelulusan dalam bidang Pengajian Melayu. Jumlah guru yang mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan khas cacat pendengaran adalah sedikit berbanding dengan jumlah guru yang bukan pengkhususan pendidikan khas pekak. Ini menggambarkan sekolah pendidikan khas masih lagi kekurangan guru yang betul-betul dilatih khusus untuk cacat pendengaran.

Keadaan ini mungkin akan menimbulkan masalah seperti yang telah dibincangkan oleh Noraini (2000) mengenai guru-guru pendidikan khas yang dihantar ke sesuatu program pendidikan khas mestilah guru yang mengkhusus dalam bidang tersebut dan

bukannya seperti yang berlaku sekarang iaitu guru yang mengkhusus dalam bidang masalah penglihatan diantar untuk mengajar bermasalah pendengaran.

#### **Jadual 4.3: Taburan Pengkhusuan Bidang Pengajaran GSPKCP**

Pengkhusuan Pengajaran GSPK	Bil. Guru	Peratus
Pendidikan Khas Pekak	5	33.3 %
Pengajian Melayu	10	66.7%
Lain-lain		
Jumlah	15	100 %

#### **4.2.4 Minat Mengajar GSPKCP**

Hasil analisis soal selidik, didapati bahawa keseluruhan guru-guru iaitu 15 orang guru meminati dalam bidang ini. Minat ini haruslah dikekalkan oleh guru-guru ini kerana ianya akan membantu murid-murid pekak meningkatkan mutu pembelajaran serta penguasaan Bahasa Melayu. Kenyataan ini disokong oleh K.A Razhiyah (2005) iaitu apabila dalam jiwa guru-guru terdapatnya perkataan minat menjadi guru pendidikan khas semua masalah adalah remeh belaka. Minat adalah perkara utama apabila menjadi seorang guru pendidikan khas. Minat yang mendalam dalam bidang ini dapat melahirkan guru yang terbaik dan sentiasa mempertingkatkan karier guru-guru pendidikan khas caca pendengaran. Faktor ini akan membawa kejayaan kepada murid-murid pekak khususnya dalam pembelajaran BM, yang mana khidmat guru-guru ini amat diperlukan oleh murid-murid pekak dalam membantu mereka mempelajari BM dengan sempurna. Dengan adanya pengetahuan dalam BM mereka dapat berkomunikasi serta menimba ilmu

daripada hasil-hasil penulisan contohnya buku-buku, majalah, artikel, buletin, akhbar dan lain-lain.

#### **4.2.5: Sebab-Sebab Minat Mengajar**

Dalam Rajah 4.4 di bawah, menunjukkan jumlah bilangan kekerapan sebab-sebab minat guru untuk mengajar murid-murid pekak. Di antara sebab-sebab minat ialah suka murid-murid pekak, pengalaman baru, mencabar dan lain-lain. Jumlah yang dinyatakan sebab-sebab minat oleh setiap GSPKCP adalah berbeza di antara satu sama lain. Jumlah keseluruhan sebab-sebab minat mengajar murid-murid pekak adalah sebanyak 18 jumlah bilangan kekerapan. Kesemua responden mempunyai minat untuk mengajar murid-murid ini.

Minat ini pula dapat dilihat daripada pelbagai sebab. Jumlah kekerapan pengalaman baru merupakan sebab yang tertinggi yang diberikan oleh guru-guru ini iaitu sebanyak 8 jumlah bilangan kekerapan iaitu 44.4%. Manakala 6 jumlah bilangan kekerapan lagi iaitu 33.3% yang diberikan oleh guru iaitu sebab mencabar. Mencabar pada guru-guru ini mungkin sesuatu yang baru dalam pengalaman mengajar bahasa. Cabaran memerlukan kesabaran yang tinggi semasa mengajar murid-murid pekak. Memandangkan murid-murid ini amat sukar memperolehi bahasa disebabkan kecacatan pendengaran yang dialami oleh mereka.

Tambahan pula, latar belakang kanak-kanak ini adalah berbeza-beza. Umpamanya latar belakang keluarga dan daerah yang berbeza. Selain daripada itu juga, keprihatinan ibu bapa terhadap pengesanan lebih awal keadaan pendengaran anak mereka merupakan langkah yang bijak. Sekiranya mereka mendapati anak mereka mengalami kecacatan pendengaran ibu bapa akan berusaha untuk mendapatkan maklumat secukupnya untuk

membantu anak mereka supaya dapat berkomunikasi dalam bahasa isyarat. Umpamanya maklumat daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Maklumat yang ibubapa perolehi dapat membantu mereka untuk mengajar bahasa isyarat kepada anak mereka. Dengan adanya pendedahan bahasa isyarat lebih awal kepada anak-anak yang mengalami cacat pendengaran ini akan memudahkan dan mempercepatkan proses pemerolehan bahasa anak-anak. Apabila murid ini boleh berbahasa (dengan menggunakan bahasa isyarat) akan menarik minat guru-guru untuk mengajar dan lahirnya perasaan suka kepada murid-murid pekak (K.A. Razhiyah 2005).

Walaupun begitu, terdapat juga ibu bapa yang tidak peka dengan kecacatan pendengaran anak mereka dan tidak mengambil berat tentang masa depan anak mereka, menyebabkan anak mereka sukar mempelajari bahasa. Ini di sokong oleh kajian Khadijah (2000), yang mengatakan ibu bapa pelajar cacat pendengaran kurang menunjukkan minat dalam pembelajaran anak-anak mereka. Selain itu, kajian juga menunjukkan GSPKCP mempunyai persepsi pada tahap sederhana bahawa ibu bapa melibatkan diri dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan ibu bapa membantu guru dalam cara mengendalikan anak mereka.


Tiadanya pendedahan awal kepada bahasa isyarat, akan menyukarkan kanak-kanak ini memperolehi bahasa. Kesukaran ini akan memberi cabaran yang hebat kepada guru-guru yang mengajar BM. Mengikut Noraini (2000) ibu bapa haruslah dijadikan rakan kongsi dalam menjayakan Program Pendidikan Khas.

Selain daripada sebab di atas, terdapat juga guru yang suka kepada murid-murid pekak. Suka disini dapat ditakrifkan sebagai seronok dan selesa mendidik murid-murid

sebegini kerana guru-guru ini tahu mereka memerlukan perhatian yang lebih berbanding murid-murid normal. Bilangan kekerapan sebab memilih menjadi GSPKCP kerana suka murid-murid pekak adalah berjumlah 16.7% (3 jumlah bilangan kekerapan). Di samping rasa tanggungjawab yang harus dilaksanakan untuk mengajar mereka supaya berjaya dalam hidup, menjadi insan yang berdikari dan memberi sumbangan bakti kepada masyarakat dan negara (Misi Jabatan Pendidikan Khas) lampiran C 1.

Untuk lain-lain sebab, hanya 1 kekerapan (5.6%) sahaja yang menyatakan lain-lain sebab berminat mengajar murid-murid pekak. Antara lain-lain sebab yang dinyatakan oleh guru ini ialah anaknya adalah salah seorang yang mengalami cacat pendengaran. Disebabkan beliau mempunyai anak seperti ini, timbul perasaan untuk membantu murid-murid pekak dalam menguasai bahasa dengan lebih baik. Beliau yang didorong oleh perasaan minat mendidik dan mengajar pelajar-pelajar pekak sehingga beliau aktif dengan persatuan Orang Kurang Upaya (OKU), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG). Beliau juga sering berhubung dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat untuk menambah pengetahuan serta mendapatkan maklumat tentang anak cacat pendengaran. Beliau juga memberi pendapat bahawa anak-anak pekak perlu ada panduan kerjaya. Contohnya kursus yang melibatkan kemahiran seperti kemahiran kraftangan contohnya menjahit, memasak dan sebagainya bagi perempuan. Sementara bagi lelaki kemahiran dalam pertukangan.

**Rajah 4.4: GSPKCP Menyatakan Sebab-Sebab Minat Mengajar Murid-Murid Pekak**



#### 4.2.6 Tempoh Berkhidmat GSPKCP

Rajah 4.5 di bawah pula, menunjukkan taburan tahun berkhidmat sebagai GSPKCP yang diambil kira sebagai ukuran untuk pengalaman mengajar. Didapati dalam jadual terdapat tiga peringkat tempoh berkhidmat GSPKCP. Antaranya terdapat tempoh guru yang mengajar di antara 1-3 tahun (8 orang guru). Tempoh kedua 4-6 tahun (3 orang guru) dan ke tiga melebihi 7-9 tahun (4 orang guru). Jumlah yang paling tinggi adalah guru yang mengajar dalam tempoh 1-3 tahun (53%) diikuti oleh 7-9 tahun (27%). Manakala bilangan guru yang mengajar dalam tempoh 4-6 tahun (20%) adalah sedikit jika dibandingkan dengan di antara dua tempoh di atas.


Guru-guru yang berada pada peringkat 1-3 tahun adalah jumlah yang paling besar dalam kajian ini. Guru-guru ini adalah guru yang baru berkhidmat dalam pengajaran bahasa Melayu murid-murid pekak. Bagi mereka berpengalaman baru mendidik murid-murid pekak memerlukan perkongsian dengan guru-guru yang lebih matang atau mempunyai pengalaman yang luas dalam kaedah pengajaran bahasa Melayu

murid-murid pekak. Sebagai contoh guru yang mempunyai pengalaman melebihi 7-9 tahun. Pengalaman mereka ini adalah pengalaman yang bersesuaian untuk berkongsi dengan guru-guru yang baru mula berkhidmat, dengan tujuan dapat memperkemaskan lagi kualiti pengajaran mereka. Gandingan guru baru dengan guru lama dapat membentuk strategi pengajaran yang kemas serta teratur dalam mendidik murid-murid pekak dalam mempelajari bahasa Melayu.


Dalam kajian ini juga terdapat seorang guru yang begitu lama berkhidmat mengajar bahasa kepada murid-murid pekak iaitu melebihi 30 tahun. Guru ini merupakan salah seorang guru yang begitu berpengalaman dan begitu lama menjadi warga pendidik di antara guru-guru lain dalam kajian ini. Perasaan guru ini tidak merasa jemu, malah lebih berminat mengajar murid-murid sebegini.

Pengalaman adalah faktor penyumbang kepada keberkesanan pengajaran seseorang GSPKCP. Kemahiran mengajar bahasa yang dimiliki oleh GSPKCP dapat membantu murid menguasai bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa isyarat dengan cekap. Kemahiran mengajar adalah berdasarkan kepada pengalaman. Sementara itu, McLoughlin dan Lewis (2001) yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003 berpendapat guru pendidikan khas yang berpengalaman lebih menunjukkan kasih sayang dan lebih prihatin terhadap masa depan Pelajar Kurang Upaya (PKU). Mereka bukan sahaja sekadar mengajar PKU di sekolah malah guru pendidikan khas yang berpengalaman menunjukkan komitmen yang tinggi kepada PKU.

**Rajah 4.5: Taburan Tempoh GSPKCP Berkhidmat Sebagai Guru Pekak**



**Rajah 4.6: GSPKCP Yang Mengikuti Kursus Pengajaran BM Cacat Pendengaran**




#### **4.2.7 Kursus Pengajaran Bahasa Cacat pendengaran**

Rajah 4.6 di atas menunjukkan taburan GSPKCP yang mengikuti kursus pengajaran BM murid-murid pekak, didapati 9 orang guru iaitu 60% GSPKCP yang pernah mengikuti kursus pengajaran bahasa. Sementara 6 orang guru lagi iaitu 40% pula tidak pernah mengikuti sebarang kursus bahasa cacat pendengaran.

Menurut Rashidi dan Abdul (1996) yang menyatakan bahawa guru-guru yang pernah menghadiri kursus pengajaran dan pembelajaran serta latihan mengajar akan dapat menyesuaikan diri dengan objektif pengajaran, latar belakang dan alat bantu mengajar yang disediakan. Bahkan dapat memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Negara. Dapatan kajian menyokong kajian Osborne et al (1993) mengatakan bahawa semua guru pendidikan khas perlu menghadiri kursus dalam bidang pendidikan khas terutamanya dalam sesuatu bidang yang mereka ceburi contohnya guru yang terlibat dalam pendidikan khas cacat pendengaran supaya mereka akan lebih memahami bidang pendidikan tersebut dan seterusnya boleh meningkatkan minat dan komitmen mereka terhadap pendidikan khas cacat pendengaran.

**Rajah 4.7: Pendapat GSPKCP Tentang Keupayaan Pembelajaran BM Murid-Murid Pekak**




#### **4.2.8 Keupayaan Pembelajaran BM Murid-murid Pekak**

Berdasarkan rajah 4.7 di atas didapati bahawa 11 orang guru iaitu 73.3% menyatakan bahawa kebolehan atau keupayaan pembelajaran BM murid-murid pekak ini tidak sama. Sementara 4 orang guru iaitu 26.7% pula menyatakan mempunyai kebolehan pembelajaran yang sama dalam pembelajaran BM murid-murid pekak. Sama atau tidak

sama dalam pembelajaran BM murid-murid pekak adalah merujuk kepada kecerdasan fikiran seseorang murid dalam proses pembelajaran BM.

Kecacatan murid pekak yang dialami oleh mereka adalah berbeza-beza mengikut tahap pendengaran. Di antaranya mempunyai ketidakupayaan pendengaran sederhana, kurang pendengaran dan teruk. Tahap ketidakupayaan pendengaran inilah yang membezakan dalam menentukan kemampuan pembelajaran bahasa seseorang kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh sekiranya seseorang kanak-kanak mempunyai darjah kecacatan sederhana, ianya berpeluang untuk mempelajari bahasa amat cerah.

**Rajah 4.8: Pendapat GSPKCP Tentang Kenyataan Sebab-sebab Ketidaksamaan Kemampuan Pembelajaran BM murid-murid Pekak**



#### 4.2.9 Sebab-sebab Ketidaksamaan Pembelajaran BM Murid-murid Pekak

Berdasarkan rajah 4.8 di atas, menunjukkan jumlah bilangan kekerapan pendapat guru-guru mengenai sebab-sebab ketidaksamaan kemampuan pembelajaran bahasa murid-murid pekak. Jumlah bilangan kekerapan keseluruhan pendapat GSPKCP adalah berjumlah 16 kekerapan. Sebanyak 7 jumlah bilangan kekerapan iaitu 44% berpunca

daripada pergaulan dengan rakan-rakan. Pergaulan dengan rakan-rakan amat mempengaruhi seseorang murid sama ada dapat memajukan diri dalam pembelajaran BM. Bergaul dengan rakan yang rajin dalam pembelajaran akan mendorong seseorang murid itu untuk terus meningkatkan lagi kualiti pembelajaran BM. Sekiranya bergaul dengan rakan yang kurang menunjukkan minat dalam pembelajaran akan menjadikan seseorang itu menjadi malas dalam pembelajaran. Faktor ini begitu berperanan dalam menentukan halatuju murid-murid pekak dalam pembelajaran sama ada rajin atau sebaliknya. Begitu juga bergaul dengan rakan yang cekap berbahasa isyarat akan membantu seseorang murid itu cepat menguasai bahasa isyarat berbanding dengan berkawan dengan orang yang kurang cekap dalam penguasaan bahasa isyarat akan menjadi lemah. Pergaulan dengan rakan-rakan merupakan faktor penyumbang untuk mereka menguasai BM selain daripada pengajaran guru mereka.

Faktor tunjuk ajar oleh ibubapa juga turut memberi kesan kepada ketidaksamaan pembelajaran murid-murid pekak. Faktor ini berjumlah 19% (3 jumlah bilangan kekerapan). Keadaan ini wujud kerana kebanyakan orang yang cacat pendengaran dilahirkan dalam keluarga yang normal. Oleh itu keluarga tersebut tidak mempunyai asas bahasa isyarat untuk diterapkan kepada anak-anak yang cacat pendengaran. Akhirnya mereka membesar tanpa adanya proses pembelajaran bahasa yang sempurna sebagaimana anak-anak normal. Keadaan ini berterusan sehingga mereka memasuki alam persekolahan barulah bermulanya proses pembelajaran bahasa berlaku.

Kelewatan mereka memperolehi bahasa menyebabkan penguasaan bahasa mereka agak lambat. Keadaan ini merumitkan pembelajaran mereka dalam BM. Bagi ibubapa yang prihatin terhadap perkembangan bahasa anak seperti ini akan berusaha untuk

mencari maklumat berkaitan dengan anak cacat pendengaran, supaya mereka dapat memberi pendidikan dalam pembelajaran bahasa secara kasar. Di samping memberi pendidikan seawal mungkin supaya anak yang cacat ini cepat memperolehi bahasa dalam bahasa isyarat. Pendidikan awal dapat membantu anak cacat pendengaran mempelajari bahasa dengan sempurna daripada guru-guru yang terlatih dalam bidang ini. Berbanding dengan anak-anak yang lewat mendapat pendidikan tentang pembelajaran bahasa terutamanya bahasa isyarat.

Di samping punca-punca yang telah dibincangkan di atas, corak pengajaran guru turut mempengaruhi pembelajaran BM murid-murid pekak. Punca ini adalah berjumlah 6% (1 kekerapan). Keadaan ini wujud kerana corak pengajaran guru di antara guru yang lain berbeza. Perbezaan inilah yang menentukan sebab-sebab ketidaksamaan pembelajaran BM murid-murid pekak. Sebagai contoh guru yang mahir dalam mengatur atau mencorak pengajaran akan mempercepatkan penerimaan murid terhadap pengajaran guru tersebut. Sekiranya pengajaran guru kurang memuaskan akan menyebabkan murid lambat memahami pengajaran guru tersebut. Kedua-dua faktor ini berkait rapat di antara satu sama lain. Penerimaan murid daripada pengajaran guru juga turut memberi kesan kepada sebab-sebab keridaksamaan pembelajaran BM murid-murid pekak. Faktor corak pengajaran dan penerimaan murid terhadap pengajaran guru saling berhubungan di antara satu sama lain.

Terdapat 31% (5 jumlah bilangan kekerapan) menyatakan lain-lain sebab. Antara lain-lain sebab yang dinyatakan oleh guru ialah tahap kognitif murid, perkembangan kognitif murid, tahap pembelajaran bahasa yang lemah, simulasi dan tahap kemampuan

pembelajaran bahasa yang berbeza. Secara keseluruhannya, pengalaman mengajar dapat membongkarkan segala masalah yang dihadapi oleh murid-murid pekak.

#### **4.3 Kefahaman Responden Tentang Pembelajaran BM Murid-Murid Pekak**

Pendapat guru tentang kebolehan pembelajaran bahasa murid-murid pekak adalah berdasarkan kepada kebolehan serta keupayaan murid-murid tersebut. Menurut guru-guru ini juga, perlu bijak mengatur kaedah pengajaran yang merangkumi pelbagai faktor umpamanya mengenalpasti situasi murid-murid, mengesan kelemahan penguasaan bahasa murid pekak, kemahiran serta kepakaran guru-guru sendiri untuk menarik minat dan perhatian murid-murid pekak untuk belajar. Aspek yang akan dibincangkan melibatkan cara mana GSPKCP dapat mengesan kelemahan penguasaan bahasa murid pekak, contohnya daripada aspek kecacatan fizikal, tahap pendengaran serta kemampuan murid dan cara bagaimana masalah ini dapat diatasi. Umpamanya menambahkan guru-guru pendidikan khas yang terlatih dalam bidang pendidikan khas dari universiti ataupun maktab perguruan.

#### **Jadual 4.9: Taburan Pendapat GSPKCP Tentang Kenyataan Murid ‘Tidak Dapat Menguasai BM’**

Kenyataan Murid Tidak Dapat Menguasai BM	Bil. Guru	Peratus
Tidak dapat menghasilkan bahasa	8	53%
Tidak dapat menggunakan bahasa isyarat	6	40%
Tidak dapat menyebut perkataan	1	6.7%
Jumlah	15	100%

##### **4.3.1 Pendapat GSPKCP Tentang Murid Tidak Dapat Menguasai BM**

Daripada data 4.9 di atas menunjukkan taburan jumlah pendapat guru tentang kenyataan tidak dapat menguasai bahasa. Didapati 8 orang guru bersetuju dengan kenyataan bahawa

murid-murid pekak tidak dapat menghasilkan bahasa. 6 orang guru lagi menyatakan murid-murid ini tidak dapat menggunakan bahasa isyarat. Manakala 1 orang guru memberi kenyataan murid tidak dapat menyebut perkataan semasa guru mengajar. Mengikut Kirk dan Gallager (1989), yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003 menyatakan bahawa pelajar bermasalah pendengaran mestilah mahir dalam bahasa isyarat kerana ianya merupakan mod komunikasi mereka. Dapatan kajian juga, menunjukkan murid pekak yang kurang mahir dalam penguasaan bahasa isyarat menyebabkan mereka kurang mahir dalam menguasai kemahiran menulis dan membaca. Sementara mengikut Heward (1996) yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003 juga menyatakan pendapat yang sama iaitu pelajar bermasalah pendengaran yang tidak pandai dalam bahasa isyarat akan menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran bahasa dan ini akan memberi kesan pada kemahiran menulis dan membaca.

Mengikut pendapat guru dalam soal selidik, murid-murid ini tidak dapat menggunakan bahasa isyarat dengan secekapnya dan tidak dapat menghasilkan bahasa dengan baik. Masalah ini bertambah rumit lagi apabila mereka perlukan bahasa untuk berkomunikasi.

Kepekaan ibubapa yang menghantar anak yang cacat pendengaran ke alam persekolahan lebih awal amat penting supaya anak-anak ini dapat menguasai bahasa isyarat dengan cepat. Sekolah cacat pendengaran merupakan tempat yang bersesuaian kerana terdapatnya guru yang terlatih untuk mendidik mereka dalam pembelajaran BM dengan menggunakan bahasa isyarat.

**Jadual 4.10: Taburan Pendapat GSPKCP Tentang Punca Utama Tidak Dapat Menguasai BM**

Punca Utama Tidak Dapat Menguasai BM	Bil. Guru	Peratus
Selalu tidak hadir	3	20%
Gangguan kesihatan	2	13.3%
Kecacatan dari segi fizikal	3	20%
Lain-lain	7	46.7%
Jumlah	15	100%


#### **4.3.2 Punca Utama Tidak Dapat Menguasai BM**

Jadual 4.10 di atas menyenaraikan antara faktor-faktor yang menjadi punca utama murid-murid tidak dapat menguasai bahasa. Terdapat berbagai punca yang dinyatakan oleh GSPKCP seperti mana dalam jadual. Punca yang menyumbang kepada jumlah tertinggi dalam soal selidik ini ialah lain-lain punca tidak dapat menguasai bahasa. Ianya berjumlah 7 orang guru. Manakala 3 orang guru menyatakan punca utama tidak dapat menguasai bahasa kerana kerap tidak hadir ke sekolah. Punca ini telah menjadi kebiasaan murid-murid sama ada murid normal atau pekak. Masalah ini menjadi lebih ketara kepada murid-murid pekak kerana mereka mempelajari bahasa melalui guru dan tempat mereka adalah di sekolah bukannya secara semulajadi (natural). Berbeza dengan murid-murid normal pembelajaran bahasa mereka boleh berlaku secara semulajadi.

Begitu juga dengan gangguan kesihatan, sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Contoh sakit, demam dan sebagai yang membolehkan terhalangnya mereka untuk ke sekolah. Jumlah guru yang menyenaraikan punca tersebut adalah 2 orang guru sahaja. Sementara jumlah yang sama dengan selalu tidak hadir ke sekolah adalah disebabkan

kecacatan fizikal. Punca tersebut menyebabkan mereka malas untuk belajar kerana bagi mereka belajar suatu yang amat sukar. Galakan serta dorongan daripada guru-guru amat diperlukan supaya mereka terus bersemangat untuk belajar. Penerapan semangat untuk terus belajar daripada guru-guru serta ibu bapa menjadi faktor penyumbang dalam menambah lagi minat untuk belajar. Sekiranya penerapan nilai-nilai pembelajaran tidak disuntik dengan semaksima mungkin menyebabkan mereka terus malas untuk belajar. Pada mereka belajar tidak penting kerana mereka kurang diberi pendedahan dengan arus pemodenan masa sekarang, yang memerlukan seseorang berilmu untuk menjamin kesejahteraan hidup. Walaupun seseorang itu cacat fizikalnya. Sementara 7 orang guru menyatakan sebab-sebab yang berlainan. Pelbagai sebab guru-guru ini berikan antaranya, sikap yang pasif serta kurangnya minat untuk belajar.

**Rajah 4.11: Pendapat GSPKCP Tentang Cara Mengklasifikasi Murid-murid Pekak Untuk Memudahkan Pengajaran Bahasa**



#### **4.3.3 Cara Mengklasifikasikan Murid Pekak**


Sebagaimana perbincangan pada rajah lepas yang mempunyai jumlah bilangan kekerapan, jumlah kekerapan adalah merujuk kepada jumlah bilangan kekerapan yang dinyatakan oleh GSPKCP mengikut pendapat GSPKCP. Oleh itu huraian yang berkaitan dengan jumlah kekerapan adalah merujuk kepada jumlah kekerapan yang diberikan oleh GSPKCP. Dengan itu, pengiraan peratus adalah berbeza-beza mengikut rajah yang berlainan.

Berdasarkan rajah 4.11 di atas, menunjukkan taburan pendapat GSPKCP tentang cara mengklasifikasikan murid-murid pekak bagi tujuan memudahkan pengajaran bahasa, sebanyak 12 kekerapan (54.5%) yang diberikan oleh guru adalah mengikut kebolehan murid. Sebanyak 22.7% (5 kekerapan) menunjukkan guru memilih kenyataan mengikut keputusan ujian diagnostik. Sementara 9.1% (2 kekerapan) lagi memilih mengikut umur dan 13.6% (3 kekerapan) lagi dipilih oleh guru adalah mengikut ujian saringan. Keseluruhan jumlah bilangan kekerapan yang diberikan oleh GSPKCP cara mengklasifikasi murid-murid pekak untuk memudahkan pengajaran bahasa adalah berjumlah 22 bilangan kekerapan.

Daripada maklumat ini, didapati guru-guru lebih memilih mengikut kebolehan murid sebagai cara mengklasifikasikan murid-murid bagi tujuan memudahkan pengajaran. Guru-guru mengklasifikasikan murid-murid mengikut daya kemampuan pembelajaran murid-murid. Guru tidak memilih mengikut umur kerana umur tidak sesuai dalam mengklasikasikan murid-murid. Mengklasifikasikan murid-murid mengikut punca kelemahan murid-murid sebenarnya lebih bersifat khusus dan tepat. Tujuan pelaksanaan pengklasifikasikan adalah untuk memudahkan pengajaran bahasa kepada murid-murid

ini. Bahkan iaanya menjamin suasana pembelajaran yang selesa dan kondusif. Di samping mereka dapat memahami bahasa mengikut susunan pemeringkatan pembelajaran bahasa mereka.

**Rajah 4.12: Taburan Pendapat GSPKCP Tentang Pemilihan Langkah Pengajaran**



#### **4.3.4 Pemilihan Langkah Pengajaran**

Di dalam rajah 4.12 di atas, dapat diuraikan berbagai-bagai langkah yang telah dicadangkan untuk memperkemaskan lagi pengajaran guru-guru bagi mempertingkatkan lagi pembelajaran murid-murid pekak. Data dalam rajah di atas menunjukkan jumlah bilangan kekerapan pendapat GSPKCP tentang pemilihan langkah pengajaran yang dipraktikkan oleh GSPKCP dalam mendidik murid-murid pekak. Mempelbagaikan corak pengajaran yang berjumlah 14 kekerapan (56%) yang dinyatakan oleh GSPKCP merupakan pemilihan langkah pengajaran yang paling kerap yang diperkenalkan oleh GSPKCP. Sementara 8 kekerapan (32%) yang dipilih oleh guru iaitu dengan menggunakan ABM dengan kerap. Sementara 3 lagi kekerapan (12%) yang dipilih oleh guru iaitu dengan mengadakan kelas pemulihan. Keseluruhan jumlah bilangan kekerapan adalah 25 kekerapan.

Pemilihan langkah pengajaran adalah berbeza-beza di antara guru-guru. Perbezaan ini dapat dilihat pada jumlah bilangan kekerapan dalam langkah pengajaran. Ini kerana mereka masing-masing menggunakan pendekatan pengajaran yang berbagai. Pemilihan langkah pengajaran bertujuan untuk memantapkan lagi mutu pengajaran BM supaya dapat mencapai objektif pengajaran yang berkesan.

Daripada data diperolehi, dapat disimpulkan bahawa GSPKCP mempunyai pandangan yang berbeza dalam memilih langkah pengajaran. Dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran akan memudahkan proses pengajaran. Pemilihan langkah pengajaran yang berbagai amat bersesuaian bagi murid-murid pekak, kerana pendekatan yang pelbagai dapat membantu mereka dalam mempelajari bahasa Melayu.

**Jadual 4.13: Taburan Pendapat GSPKCP Menyatakan Murid-Murid Pekak Dapat Menguasai Bahasa Melayu**

<b>Pendapat GSPKCP Tentang Murid-Murid Pekak Dapat Menguasai Bahasa</b>	<b>Bil. Guru</b>	<b>Peratus</b>
Sangat setuju	3	20 %
Setuju	12	80 %
Tidak setuju		
Sangat tidak setuju		
Tidak pasti		
Jumlah	15	100%

#### **4.3.5 Pendapat GSPKCP Terhadap Murid-Murid Pekak Dapat Menguasai Bahasa Melayu**

Berdasarkan data Jadual 4.13 di atas didapati guru-guru bersetuju dengan kenyataan bahawa murid-murid khas dapat menguasai bahasa. Seramai 12 orang guru (80%)

bersetuju, manakala 3 orang guru (20%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Dalam perkara ini guru lebih bersikap positif. Malahan menunjukkan bahawa murid-murid mereka mampu menguasai bahasa.

Sikap sebeginilah yang perlu ada dalam diri seseorang guru. Bahkan GSPKCP berkeyakinan bahawa dengan adanya kaedah pengajaran yang sistematik dan kemas dapat membantu murid-murid pekak dalam menguasai bahasa. Kelengkapan peralatan contohnya penggunaan teknologi maklumat dapat membantu mereka dengan lebih cepat lagi dalam pembelajaran bahasa. Kepelbagaiannya penggunaan kaedah dalam pengajaran bahasa di samping bantuan teknologi komunikasi, apabila digabungkan dapat menyumbangkan pembelajaran yang baik kepada murid-murid pekak. Ini disokong oleh K.A. Razhiyah (2005), bantuan teknologi komunikasi dapat memudahkan golongan istimewa berkomunikasi. Bantuan teknologi komunikasi amat bermakna dan dapat membantu pembelajaran secara positif. Contoh bantuan teknologi komunikasi seperti komputer. Peralatan seperti ini bersesuaian dengan kecacatan mereka yang tidak dapat memperolehi bahasa. Berbanding dengan penggunaan talian bimbit yang memerlukan kepada penghasilan suara dan pendengaran untuk berkomunikasi.

#### **4.3.6 Keperluan Khidmat Guru Pemulihan**

Didapati khidmat guru pemulihan sangat diperlukan untuk membantu murid-murid pekak terutamanya yang melibatkan pelajaran bahasa. Kesemua 15 orang guru iaitu 100% bersetuju bahawa khidmat guru pemulihan amat diperlukan. Ini bersesuaian dengan visi pendidikan khas iaitu menyediakan khidmat yang berkualiti kepada murid-murid dengan keperluan khas ke arah kecemerlangan hidup sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Segala bentuk bantuan bagi mengatasi masalah mereka perlu lakukan. Mereka


juga seperti murid-murid normal lain, inginkan kejayaan dalam hidup. Ini dapat dilihat dalam misi pendidikan khas lampiran C 1.

#### **4.3.7: Keupayaan Murid-Murid Pekak Mengikut Pelajaran Kelas Biasa**

Seperti mana rajah 4.14 di bawah, dapat dilihat jumlah guru yang beranggapan bahawa murid-murid pekak tidak berupaya mengikut pelajaran kelas biasa. Ini disebabkan oleh kesukaran mereka dalam menguasai atau memahami bahasa dengan baik. Kelas biasa memerlukan penguasaan bahasa serta pemahaman bahasa yang sempurna dan tidak mengalami kecacatan pendengaran. Jumlah yang beranggapan demikian adalah sejumlah 80% (12 orang guru). Ini adalah jumlah yang tertinggi berbanding dengan pendapat lain. Umpamanya pendapat guru yang menyatakan “ya” bahawa murid pekak mampu mengikuti kelas biasa adalah 13.3% iaitu 2 orang guru dan jumlah guru yang tidak pasti ialah 6.7% iaitu seorang guru sahaja.

Sebanyak 13.3% guru yang memberi pendapat “ya”, menunjukkan bahawa mereka menyokong murid-murid ini mengikuti kelas biasa. Murid yang berada pada tahap pendengaran yang sederhana mampu mendengar. Dengan itu, mereka boleh mempelajari BM dengan baik. Ini dapat dilihat dalam strategi pendidikan khas, iaitu menggalakkan program inklusif untuk murid-murid yang dikenal pasti yang mampu mengikuti proses pembelajaran bersama murid biasa. Lampiran C 1 (strategi f). Di samping itu kepekaan GSPKCP terhadap kebolehan murid yang diajarnya dan kemahiran yang dimiliki oleh GSPKCP dalam mengajar bahasa kepada murid pekak serta sifat positif GSPKCP dapat membantu murid-murid ini berjaya dalam pembelajaran BM.

**Rajah 4.14: Taburan Pendapat GSPKCP Tentang Kebolehan Murid-Murid Pekak Mengikut Pelajaran Kelas Biasa**



#### **4.4 Kaedah Pengajaran BM**

Kaedah pengajaran merupakan teras utama dalam semua pengajaran termasuk kaedah pengajaran BM kepada murid-murid pekak. Kaedah pengajaran BM kepada murid-murid pekak adalah menggunakan bahasa isyarat. Semua pengajaran yang berdasarkan kepada kaedah pengajaran akan menjadi mudah dan hasil pengajaran tidak menyimpang daripada tujuan asal. Sesuatu pengajaran juga akan menjadi kemas dan sistematik dalam memberikan didikan dan tunjuk ajar kepada murid-murid yang diajarkannya. Dengan adanya kaedah pengajaran akan terhasilnya nilai pengajaran yang berkesan dan bermanfaat kepada semua yang mengikuti situasi pembelajaran.


##### **4.4.1 Penggunaan Pelbagai Kaedah Pengajaran Bahasa**

Data dalam rajah 4.15 di bawah, menunjukkan penggunaan pelbagai kaedah pengajaran bahasa. Kaedah soal jawab merupakan kaedah pengajaran bahasa yang kerap digunakan iaitu sebanyak 14 jumlah bilangan kekerapan (37.8%). Manakala kaedah bercerita dan lakonan masing-masing berjumlah sebanyak 10 kekerapan (27%). Sementara guru yang


menggunakan lain-lain kaedah amat sedikit jumlah bilangan kekerapan iaitu 3 kekerapan (8.1%) sahaja. Keseluruhan jumlah kekerapan adalah 37 jumlah bilangan kekerapan.

Terdapat juga guru yang menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut kekreatifan guru itu sendiri, tetapi masih didasarkan oleh kaedah pengajaran yang ditetapkan oleh kementerian. Contohnya menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut apa yang hendak disampaikan oleh guru bergantung kepada situasi murid. Kaedah yang kerap digunakan dalam menguasai bahasa ialah keseluruhan kaedah. Sebenarnya tidak ada satu kaedah yang khusus yang boleh digunakan kepada murid-murid pekak. Dengan mengabungkan ketiga-tiga kaedah adalah amat berkesan dalam proses pengajaran. Di samping menggunakan daya kreativiti seseorang guru dalam menggunakan kaedah pengajaran. Penggunaan berbagai-bagai kaedah pengajaran oleh GSPKCP berdasarkan kepada keperluan dan latarbelakang pelajar menjadi lebih berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Rajah 4.15: Taburan Penggunaan Pelbagai Kaedah Pengajaran Bahasa Oleh GSPKCP**



**Rajah 4.16 : Taburan GSPKCP Cara Menguji Pembelajaran BM**



#### **4.4.2 Cara Menguji Pembelajaran BM**

Berdasarkan data dalam rajah 4.16 di atas, seramai 14 orang guru (93.3%) yang berpendapat tentang penggunaan pelbagai kaedah pengajaran bahasa adalah dengan memilih cara pemerhatian dan ujian dalam menguji penguasaan bahasa murid-murid pekak. Jumlah pemerhatian dan ujian merupakan jumlah yang tinggi yang dipilih oleh GSPKCP dalam menguji pembelajaran BM murid-murid pekak. Berdasarkan pemilihan ini, GSPKCP dapat memastikan daerah-daerah kelemahan pembelajaran bahasa murid-murid dengan lebih tepat dan jelas. Apabila dikenal pasti kelemahan murid-murid pekak barulah dapat dirancang satu program pemulihan yang lebih berkesan dan menyeluruh. Pemerhatian adalah satu daripada kaedah yang digunakan oleh guru di peringkat awal untuk mengesan kelemahan-kelemahan murid secara umum.

Sementara cara menguji pembelajaran BM murid-murid pekak iaitu dengan cara ujian diagnostik hanya seorang guru sahaja iaitu 6.7% memilih cara ini. Cara ini kurang diberi tumpuan oleh GSPKCP. Namun begitu cara ini boleh juga digunakan kerana cara ini dapat mengetahui darjah kecacatan seseorang murid sama ada berada dalam kecacatan

yang teruk, sederhana teruk dan kurang pendengaran. Melalui cara ini juga, latihan berbahasa boleh diberikan ke atas murid-murid ini. Ini disokong oleh Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamad (2004) iaitu dengan memberi latihan berbahasa secara sistematik dan berterusan daripada profesional yang berkaitan, iaitu audiologis bagi menguji darjah kecacatan pendengaran dan jurupulih pertuturan bagi mendapat latihan pertuturan yang betul, sistematik dan berkesan.

**Jadual 4.17: Taburan Kekerapan Pelbagai Penggunaan Kaedah Pengajaran oleh GSPKCP**

Penggunaan Kaedah Pengajaran	Bil. Kekerapan	Peratus
Bahasa Isyarat		
- Natif		
- Bahasa Isyarat Amerika	5	10.4 %
- Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT)	15	31.2 %
Bacaan Bibir	8	16.7%
Pertuturan	9	18.8 %
Pengejaan Jari	11	22.9 %
Jumlah	48	100 %

**4.4.3 Kekerapan Penggunaan Pelbagai Kaedah Pengajaran Oleh GSPKCP**

Berdasarkan Jadual 4.17 di atas, menunjukkan jumlah bilangan kekerapan pelbagai penggunaan kaedah pengajaran yang diberikan oleh GSPKCP dalam menggunakan kaedah pengajaran harian. Kaedah BMKT merupakan kaedah paling utama dan kerap


digunakan dalam mengajar bahasa kepada murid-murid pekak. BMKT adalah medium komunikasi mereka yang harus kuasai oleh murid-murid cacat pendengaran. Penguasaan BMKT yang cekap dapat membantu mereka dalam menguasai bahasa dan dapat berkomunikasi dengan sempurna. Kaedah ini juga, merupakan kaedah yang paling asas dalam pembelajaran bahasa mereka. Memandangkan komunikasi mereka adalah komunikasi bukan verbal, bentuk bahasa isyarat merupakan penghasilan bahasa untuk memudahkan pembelajaran bahasa.

Dalam analisis ini, didapati keseluruhan guru tidak terikat kepada satu kaedah sahaja, tetapi mereka menggunakan pelbagai kaedah dengan kerap bagi memudahkan pembelajaran dalam kalangan murid-murid pekak. Kesedaran guru dalam mengenal pasti keupayaan murid-murid dalam pembelajaran bahasa dapat membantu murid pekak menikmati bahasa dan dapat berkomunikasi sepertimana kanak-kanak normal yang lain. Dalam ertikata sebenar mengikut penggunaan bahasa bukan verbal iaitu bahasa isyarat.

Berdasarkan daripada data kajian penggunaan kaedah pengajaran oleh GSPKCP, mereka lebih mengutamakan penggunaan kaedah pengajaran BMKT. Kemudian diikuti oleh pengejaan jari, pertuturan dan bacaan bibir dan Bahasa Isyarat Amerika (ASL). Guru-guru ini tidak hanya kerap menumpukan kepada penggunaan satu kaedah sahaja. Sebaliknya mereka kerap menggunakan banyak kaedah secara bertukar ganti. Kekerapan penggunaan kaedah yang bertukar ganti, disebabkan oleh tahap kemampuan atau tahap kognitif murid, di samping tahap pendengaran murid yang berbeza-beza. Sebagai contoh jika seseorang murid itu, lambat atau sukar untuk memahami kaedah BMKT guru akan menggantikan kaedah pengejaan jari bagi mencapai tahap pemahaman murid untuk

menguasai bahasa. Tahap kognitif dan juga pendengaran murid memerlukan guru menggunakan pelbagai alternatif lain dalam proses kaedah pengajaran BM.

**Rajah 4.18: Taburan Pendapat GSPKCP Tentang Peringkat Keutamaan Penyediaan Asas Pengajaran Bahasa**



#### 4.4.4 Keutamaan Penyediaan Asas Pengajaran Bahasa

Berdasarkan Rajah 4.18 di atas, menunjukkan jumlah bilangan pendapat GSPKCP tentang peringkat keutamaan penyediaan asas pengajaran bahasa kepada murid-murid pekak. Seramai 8 orang guru (53.3%) memilih faktor keadaan emosi murid-murid sebagai peringkat keutamaan penyediaan asas pengajaran bahasa.. Kepekaan GSPKCP terhadap emosi murid menunjukkan keprihatinan guru terhadap murid-murid mereka.

Emosi amat mempengaruhi pembelajaran murid-murid pekak. GSPKCP yang prihatin terhadap emosi murid dapat melaksanakan pengajaran yang selesa dan harmoni. GSPKCP yang sentiasa berdamping dengan murid-muridnya mendorong murid-murid pekak terus bersemangat memajukan diri mereka dalam pembelajaran mereka. Perhubungan yang mesra serta akrab guru merupakan tarikan emosi murid-murid pekak

untuk bersemangat dan sayangkan suasana pembelajaran yang santai. Murid-murid pekak memerlukan suasana pembelajaran yang dianggap sebagai bersahaja kerana suasana sebegini bagi mereka merupakan suasana pembelajaran yang selesa untuk mempelajari bahasa. Mereka tidak ingin suasana pembelajaran yang terlalu formal menyebabkan mereka bosan untuk belajar. Mereka tidak perlu suasana sebegini seperti kanak-kanak normal. Mereka mengharapkan suasana pembelajaran yang penuh keceriaan, kasih sayang dan kemesraan di antara guru dan murid. Faktor seumpama ini amat mempengaruhi emosi murid. Sebab itu guru yang prihatin akan mengambil berat tentang faktor ini supaya pengajaran dapat membawa keseronokan diakhir pengajaran. Guru amat berpuas hati dengan pengajaran mereka dan murid dapat belajar dengan penuh keseronokan.

Keadaan bahasa murid adalah faktor yang kedua yang dipilih oleh GSPKCP. Jumlah ini adalah sebanyak 26.7% (4 orang guru). Faktor ini bergantung kepada bahasa yang difahami oleh murid itu sendiri. Sekiranya murid itu pemahamannya cepat terhadap bahasa. GSPKCP akan menambahkan lagi mutu pengajaran kepada mereka. Ini sebagai nilai tambah kepada murid yang mahir dalam bahasa. Sebaliknya seseorang murid itu penguasaan bahasanya kurang atau lemah GSPKCP akan mempertingkatkan latihan dan sentiasa berdamping dengan mereka supaya mereka ini dapat menambahkan lagi pembelajaran mereka supaya mereka dapat menguasai bahasa seperti murid yang mahir dalam bahasa. GSPKCP akan menilai kedudukan murid-murid mereka dalam pembelajaran supaya murid-murid mereka mendapat hasil pembelajaran yang sama di antara satu sama lain. GSPKCP akan membentuk satu kaedah pengajaran bagi

menyeimbangkan pembelajaran murid-murid ini supaya tidak ada yang tercicir dalam mendapatkan tunjuk ajar serta bimbingan daripada guru-guru mereka.


Keadaan pengamatan murid pula adalah faktor yang ketiga dalam menyediakan asas pengajaran. Jumlah ini sedikit berbanding dengan lain-lain faktor yang telah dibincangkan. Hanya 2 orang guru sahaja iaitu 13.3% menyatakan murid berminat terhadap pelajaran akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajaran gurunya. Sementara murid yang kurang berminat dalam pelajaran daya tumpuan mereka adalah lemah. Keadaan sebegini peranan GSPKCP untuk menarik minat mereka terhadap pelajaran harus dilaksanakan. Memandangkan murid pekak ini tidak mempunyai pandangan masa depan yang jauh. Peranan GSPKCP amat diperlukan supaya murid-murid ini dapat membuka minda mereka supaya mereka tidak merasa rendah diri dan memperjuangkan masa depan mereka dengan memperolehi ilmu pengetahuan yang luas. Untuk memperolehi ilmu pengetahuan yang luas bahasa perlu dipelajari dan dikuasai kerana bahasa adalah nadi dalam semua fungsi kehidupan.

Berdasarkan faktor keempat pula iaitu memilih keadaan sikap murid adalah terlalu sedikit iaitu seorang guru sahaja (6.7%). Sikap murid ini selalunya bergantung kepada rajin atau sebaliknya dalam diri murid-murid itu sendiri. Sikap sebegini akan mempengaruhi pembelajaran murid-murid itu sendiri. Sekiranya rajin akan mendatangkan kesan positif kepada mereka. Sekiranya sebaliknya mereka akan menjadi malas dan akan menjadi lemah dalam bahasa.

Kesemua faktor ini masing-masing memberi peranan dan berkait di antara satu sama lain dalam menyediakan asas pengajaran. GSPKCP menjadikan keempat-empat keadaan ini sebagai faktor untuk mereka memberi nilai pengajaran yang terbaik.

GSPKCP akan menggunakan strategi pengajaran yang mendatangkan kesan yang positif kepada murid-murid ini dengan mengambil kira keempat-empat keadaan ini.

**Rajah 4.19: Taburan GSPKCP Tentang Penggunaan Kombinasi Kaedah Pengajaran**



#### **4.4.5 Kombinasi Kaedah Pengajaran**

Daripada data Rajah 4.19 di atas, didapati 6 orang guru iaitu 40% guru memilih penggunaan kombinasi bahasa isyarat, lisan dan tulisan. Manakala 40% orang guru lagi memilih kaedah pengajaran latihan dan 20% (3 orang guru) lagi menggunakan kaedah pengajaran iaitu menyediakan topik pengajaran bahasa terlebih dahulu.

Guru-guru ini masing-masing menggunakan kombinasi kaedah pengajaran mereka secara tersendiri. Kombinasi kaedah pengajaran yang utama digunakan oleh guru ialah kombinasi bahasa isyarat dengan mengeluarkan suara (lisan), tulisan serta latihan. Kombinasi bahasa isyarat, lisan dan tulisan, contohnya bercerita kemudian ditulis dalam

bentuk karangan. Kaedah ini merupakan kaedah paling berkesan untuk melatih kanak-kanak untuk menguasai bahasa.

Begitu juga dengan kaedah latihan, akan melatih murid-murid kerap menggunakan bahasa isyarat. Kekerapan penggunaan bahasa akan membantu perkembangan positif dalam diri murid-murid ini. Meskipun mereka lemah dalam menggunakan bahasa. Tetapi sekurang-kurang mereka membiasakan diri mereka dengan penggunaan bahasa dan memahami maksud bahasa itu sendiri. Guru yang sering menggunakan kaedah pengajaran komunikasi seluruh akan mempercepatkan pemahaman murid dan murid ini pula akan menggunakannya untuk menulis karangan atau mempraktikkannya dalam komunikasi harian.

Dengan menggunakan kaedah komunikasi seluruh sekerap mungkin akan membantu mempertingkatkan perkembangan bahasa mereka dan memantapkan bahasa mereka. Ini dapat dibuktikan beberapa orang murid pekak berjaya dalam memasuki universiti tempatan di Malaysia mahupun luar negeri. Contohnya pelajar daripada Universiti Malaya Fakulti Pendidikan, kini sedang mengikuti program sarjana dalam bidang pendidikan.

#### **4.4.6 Murid-murid Pekak Menikmati Bahasa**

Jadual 4.20 di bawah, menunjukkan bahawa guru-guru memilih kenyataan bahawa murid-murid menikmati bahasa dengan cara perbualan dan bercerita tentang kejadian harian. Kenyataan ini merupakan kenyataan yang begitu tinggi jumlahnya berbanding dengan lain-lain kenyataan. Ianya sebanyak 13 jumlah bilangan kekerapan yang dinyatakan oleh guru. Sementara bilangan kekerapan bagi bacaan adalah 5 kekerapan.

Manakala kekerapan membaca cerita dan latihan gerak bibir adalah rendah berbanding kekerapan yang lain. Ini kerana kebanyakan murid pekak lemah dari sudut pembacaan.

Perbualan merupakan rutin harian tidak kira pekak atau normal ianya satu kewajipan dalam perhubungan sesama manusia. Faktor-faktor ini menjadi pilihan utama mereka dalam menikmati bahasa berbanding dengan faktor-faktor lain. Perbualan menerusi bahasa isyarat adalah menjadi medium komunikasi mereka kerana dengan perbualan senang untuk difahami dan menimbulkan keseronokan. Malah melalui perbualan dan penceritaan harian yang didasarkan persekitaran adalah lebih jelas kepada mereka. Berbanding dengan pembacaan kerana bagi mereka ianya sukar untuk difahami. Bahan bacaan pula terdiri penggunaan bahasa yang sukar untuk difahami oleh mereka.

**Jadual 4.20: Pendapat GSPKCP Terhadap Murid-Murid Pekak Menikmati Bahasa**

Murid-Murid Pekak Menikmati Bahasa	Bil.Kekerapan	Peratus
Perbualan dan bercerita tentang kejadian harian	13	41.9%
Membaca cerita	3	9.7%
Latihan gerak bibir	2	6.5%
Bacaan	5	16.1%
Lisan dan tulisan (karangan)	4	12.9%
Menulis pelbagai tajuk kenyataan di dalam atau di luar sekolah	4	12.9%
Jumlah	31	100%

**Jadual 4.21: Taburan Pendapat GSPKCP Mengenai Murid-Murid Pekak Berlatih Bertutur**

Pendapat GSPKCP Mengenai Murid-Murid Pekak Berlatih Bertutur	Bil Kekerapan	Peratus
Latihan lisan perbualan	8	27.6%
Lakonan	4	13.8%
Bercakap sambil beraksi	8	27.6%
Bercerita semula setelah mendengar cerita guru	3	10.3%
Permainan yang memerlukan bentuk lisan dan bertulis	4	13.8%
Mengarang termasuk penulisan dalam diari harian murid-murid	2	6.9%
Jumlah	29	100%


#### **4.4.7 Murid-murid Pekak Berlatih Bertutur**

Daripada taburan Jadual 4.21 di atas, menunjukkan taburan GSPKCP mengenai cara yang digunakan untuk mengajar murid-murid berlatih bertutur. Didapati kekerapan yang paling tinggi yang digunakan oleh guru ialah latihan lisan perbualan dan bercakap sambil beraksi. Guru-guru ini memilih kedua-dua item ini kerana ianya amat berkesan dalam pengajaran BM kepada murid yang mempunyai sisa pendengaran. Pendekatan pertuturan memerlukan murid-murid pekak berlatih bertutur seperti murid normal. Lazimnya, latihan melalui pendekatan bertutur diberikan kepada murid yang mempunyai sisa pendengaran. Rasional penggunaan pendekatan pertuturan berdasarkan anggapan bahawa murid pekak yang ada sisa pendengaran seharusnya digembleng kebolehan pendengaran mereka semaksimum mungkin untuk menguasai bahasa pertuturan. Anggapan ini merupakan kumpulan minoriti dalam masyarakat yang secara normanya berkomunikasi melalui pertuturan. Oleh itu, penguasaan bahasa lisan amatlah perlu untuk membolehkan

mereka, selesa dalam masyarakat (Paul, 1998) yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003.

Dalam mempelajari mana-mana bahasa pertuturan, faktor kebolehan mendengar amat penting (Paul & Quigley, 1994) yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003. Ketidakmampuan mendengar menghalang seseorang mengajuk atau meniru bunyi-bunyi sesuatu bahasa yang dipelajari. Latihan-latihan pendengaran bunyi bahasa dan pertuturan boleh diajarkan kepada mereka yang kurang pendengaran, sedikit sebanyak membantu dapat mereka memahami pertuturan. Ini kerana mereka dapat berlatih mengagak bunyi bahasa, memerhati dan mengecam gerak bibir orang yang dilawan bertutur. Manakala kekerapan bagi lakonan, bercerita semula setelah mendengar cerita guru adalah rendah. Faktor lakonan, bercerita semula kurang berkesan bagi murid pekak.

**Rajah 4.22: Taburan Pendapat GSPKCP Mengenai Kesukaran Murid-Murid Pekak Dalam Belajar Bahasa Isyarat**



#### **4.4.8 : Pendapat GSPKCP Tentang Kesukaran Murid-murid Dalam Belajar BM**

Dalam Rajah 4.22 di atas, jumlah bilangan kekerapan (mengikut pendapat GSPKCP) yang paling tinggi tentang kesukaran guru dalam mengajar bahasa isyarat ialah memahami perkataan abstrak iaitu 48% (11 jumlah bilangan kekerapan). Secara umumnya memang benar dan tepat sekali bahawa orang cacat pendengaran amat sukar bagi mereka memahami perkataan abstrak. Perkataan abstrak ini, ianya tidak dihubungkan dengan benda-benda maujud atau konkrit. Ianya memerlukan pemahaman secara abstrak. Perkataan abstrak dengan perkataan yang berkaitan dengan benda maujud amat berbeza sifatnya. Sebagai contoh perkataan ‘wangi’ murid-murid pekak tidak dapat menggambarkan ‘wangi’ dalam bentuk maujud.


Menghubungkan perkataan dalam bentuk bahasa isyarat merupakan kekerapan kedua sukar iaitu 30% (7 jumlah bilangan kekerapan) dalam mengajar bahasa isyarat. Ini mungkin berpunca daripada kurangnya pendedahan awal kanak-kanak tentang bahasa isyarat. Ibu bapa juga mengabaikan anak-anak mereka tanpa memperkenalkan bahasa isyarat kepada anak mereka. Apabila kurangnya penggunaan bahasa isyarat dalam komunikasi mereka akan menyukarkan mereka menghubungkan perkataan dalam bentuk bahasa isyarat. Sedangkan bahasa isyarat adalah medium komunikasi utama mereka (hasil pemerhatian dan temubual).

Manakala kekerapan menyebut perkataan berserta bahasa isyarat adalah rendah 22% (5 jumlah bilangan kekerapan). Kesukaran mereka ini berpunca daripada tahap pendengaran yang teruk. Sekiranya tahap pendengaran yang teruk, akan menyebabkan mereka sukar untuk menyebut perkataan berserta dengan bahasa isyarat.

Menurut GSPKCP murid-murid pekak ini menghadapi kesukaran yang berbeza-beza dalam mempelajari bahasa. Kesukaran mereka adalah disebabkan oleh faktor pendengaran mereka yang teruk, sederhana dan kurang. Faktor pendengaran akan menyebabkan kesukaran proses pembelajaran bahasa. Dapatan kajian menyokong pendapat Noraini (1998) dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003 menyatakan bahawa murid-murid yang mempunyai tahap pendengaran berbeza dan mempunyai tahap pencapaian akademik berbeza apabila dimasukkan ke dalam satu kelas yang sama akan menimbulkan masalah kepada guru pendidikan cacat pendengaran khas untuk mengajar.

Sementara menurut pendapat Goh & Teh (1993) dipetik dari Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamad, 2004 menyatakan bahawa bagi kanak-kanak pekak, mempelajari BM merupakan satu kerja/tugasan yang amat sukar kerana BM ialah bahasa kedua mereka. Kesukaran ini diketahui oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang mempunyai anak pekak dan guru yang mengajar murid pekak. Kebanyakan guru dan ibu bapa tidak memahami punca kesukaran itu berlaku. Oleh itu, mereka tidak dapat mengatur strategi yang berkesan bagi membantu murid pekak secara maksimum untuk mempelajari bahasa (Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamad, 2004). Kesukaran ini ada kaitan dengan konsep pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa, ciri-ciri BM yang kompleks, kecelaruan tentang penggunaan KTBM, pendekatan pengajaran bahasa dan BIM. Ini terbukti apabila kebanyakan murid pekak tamat sekolah, mereka tidak mampu menguasai pertuturan dan pemahaman. Faktor tidak dapat menguasai bahasa seperti mana yang diperkatakan merupakan faktor penyumbang yang besar (Mohd Hashim Omar, 1995; Teng, 1986; Goh & Teh, 1993).

**Rajah 4.23: Taburan Masalah Yang Dihadapi Oleh GSPKCP Semasa Mengajar BM Kepada Murid-Murid Pekak**



#### **4.4.9 Masalah GSPKCP Mengajar BM**

Rajah 4.23 di atas, pula akan membincangkan masalah yang dihadapi oleh GSPKCP semasa mengajar BM kepada murid-murid pekak. Keseluruhan responden menghadapi semua masalah yang disenaraikan dalam soal selidik. Ini dapat dilihat pada jumlah masalah yang dinyatakan oleh guru. Jumlah bilangan kekerapan di antara masalah-masalah dalam data adalah lebih kurang sama jumlahnya. Ianya tidak menunjukkan perbezaan jumlah yang ketara di antara satu sama lain. Masalah murid iaitu tiada asas bentuk bahasa isyarat dengan cekap berjumlah 33.3% (9 jumlah bilangan kekerapan), sementara murid tidak faham 37% (10 jumlah bilangan kekerapan) dan murid lemah dalam pembelajaran 29.6% (8 jumlah bilangan kekerapan). Masalah penguasaan BM murid-murid pekak ini akan menyukarkan pengajaran GSPKCP. Ini berpunca daripada

ibu bapa yang kurangnya kesedaran tentang kepentingan bahasa untuk murid-murid seperti ini. Perhubungan yang baik antara GSPKCP dengan ibu bapa sangat penting (hasil pemerhatian dan temubual). Penguasaan bahasa adalah penentu kepada kejayaan dalam akademik. Hal ini berdasarkan pandangan Epstein (1993), yang dipetik dalam Gunasegaran A/L Karupanan, 2003 menyatakan bahawa perhubungan ibu bapa dengan GSPKCP sangat penting dalam meningkatkan pencapaian akademik murid pendidikan khas. Ini juga akan mengurangkan bebanan masalah yang dihadapi oleh guru.


#### **4.4.10 Langkah-langkah Menggalakkan Murid-Murid Pekak Lebih Menguasai Bahasa**

Daripada Rajah 4.24 di bawah, menunjukkan jumlah bilangan kekerapan taburan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh guru untuk menggalakkan murid-murid pekak lebih menguasai bahasa dengan baik. Di antara langkah yang paling utama digunakan ialah memperbanyak aktiviti bahasa isyarat, lisan dan tulisan yang berjumlah 60% (28 kekerapan), yang juga merupakan langkah yang sering digunakan oleh GSPKCP dalam menguasai bahasa. Langkah memperbanyak aktiviti bahasa isyarat, lisan dan tulisan amat sesuai dengan murid-murid pekak. Ini kerana murid-murid pekak memerlukan latihan yang kerap bagi mengekalkan ingatan terhadap sesuatu bahasa yang mereka pelajari. Tambahan pula pemerolehan bahasa mereka bukan secara semujadi. Oleh itu pembelajaran yang sebegini amat bersesuaian dengan mereka. Langkah ini juga banyak memberi kesan yang positif kepada murid-murid. Memandangkan suasana pembelajaran memerlukan aktiviti sebegini.

Manakala langkah mempelbagaikan corak pengajaran 23% (11 kekerapan), merupakan langkah kedua yang kerap digunakan. Kemudian diikuti pula langkah memberi lebih perhatian yang berjumlah 13% (6 kekerapan), dan langkah memberi

bimbingan dan galakan sebanyak 4% (2 kekerapan). Kedua-dua langkah ini kurang ditumpukan oleh GSPKCP kerana ianya kurang berkesan berbanding daripada kedua-dua langkah di atas. Selain daripada langkah-langkah yang tersenarai dalam jadual di atas, faktor persekitaran juga dapat menggalakkan murid-murid pekak menguasai bahasa. Mengikut Wood (1992), yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003 persekitaran merupakan salah satu faktor yang menentukan keberkesan pengendalian sesuatu kelas pendidikan khas. Manakala Downing (1999), yang dipetik dari Gunasegaran A/L Karupanan, 2003, juga mengatakan persekitaran memberi kesan terhadap pencapaian akademik dan bukan akademik.


**Rajah 4.24: Taburan Langkah-Langkah Yang Diambil Oleh GSPKCP Untuk Menggalakkan Murid-Murid Pekak Lebih Menguasai Bahasa**



#### **4.5 Bahan Pengajaran Dan Alat Bantu Mengajar**

Sesuatu pengajaran yang akan disampaikan oleh GSPKCP menjadi lebih berkesan jika GSPKCP menggunakan berbagai kaedah, pendekatan dan teknik yang bersesuaian dengan kebolehan dan kecenderungan murid-murid pekak. Di samping itu, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) akan menjadikan sesuatu pengajaran lebih menarik dan mudah untuk diikuti oleh semua murid-murid pekak. Dalam mengajar bahasa, GSPKCP mempelbagaikan penggunaan ABM dan ABM ini pula tidak semestinya terdiri daripada yang mahal-mahal, tetapi ABM yang digunakan dapat dimanfaatkan oleh murid-murid pekak. Bagi murid-murid pekak, alat bantu mengajar amat diperlukan untuk merangsang serta memupuk minat untuk menguasai bahasa kerana dengan bahasa mereka akan berjaya semua bidang.

**Rajah 4.25: Taburan GSPKCP Dalam Penggunaan Bahan Pengajaran**



#### **4.5.1 Penggunaan Bahan Pengajaran**

Terdapat pelbagai jenis bahan pengajaran yang digunakan oleh guru sama ada yang dibeli, dibina atau menggunakan buku teks. Berdasarkan data Rajah 4.25 di atas, kajian ini meninjau penggunaan alat bantu mengajar oleh GSPKCP dalam pengajaran bahasa. Kajian ini akan meninjau bahan-bahan yang digunakan dan kekerapan dari segi penggunaannya. Sebanyak 38.7% (12 kekerapan), GSPKCP yang menggunakan bahan yang dibina oleh guru. Berdasarkan kepada bilangan kekerapan juga, didapati guru banyak menggunakan bahan pengajaran untuk mengajar murid pekak. Penggunaan bahan pengajaran yang pelbagai akan memudahkan proses pengajaran kepada murid-murid pekak. Ini bertepatan dan bersesuaian dengan murid pekak yang memerlukan lebih banyak bahan pengajaran bagi membantu mereka melalui proses pemerolehan bahasa serta penguasaan bahasa.

Untuk kegunaan murid-murid pekak, sememangnya bahan yang dibina oleh guru lebih bermanfaat berbanding dengan bahan yang dipetik daripada buku 35.5% (11 kekerapan) dan bahan yang dibeli 25.8% (8 kekerapan). Ini kerana bahan yang dibina oleh guru itu lebih tepat mengikut kebolehan murid. Bahan yang dipetik adalah merujuk kepada bahan yang diambil daripada bahan-bahan rujukan contohnya buku, majalah, buletin, risalah, akhbar dan lain-lain. Sementara bahan yang dibina adalah dihasilkan sendiri oleh GSPKCP untuk tujuan memudahkan pemahaman murid. Bahan yang dibina adalah bersesuaian dengan keadaan murid-murid pekak. Ini kerana guru adalah lebih peka dengan keupayaan murid semasa belajar. Oleh itu bahan yang dibina amat bertepatan dengan keadaan pembelajaran murid.

**Jadual 4.26: Jumlah Bilangan GSPKCP Menggunakan ABM Mengikut Kekerapan**

Penggunaan ABM	Sangat kerap		Kerap		Jarang		Tidak pernah		Jumlah
	Bil . Guru	%	Bil . Guru	%	Bil . Guru	%	Bil . Guru	%	
1. Radio	1	6.7%	1	6.7%	6	40 %	7	46.7%	15
2. TV/Komputer	2	13.3%	3	20 %	3	20 %	7	46.7%	15
3. OHP/Slaid	2	13.3%	1	6.7%	3	20 %	9	57.1%	15
4. Keratan akhbar	3	20 %	4	26.7 %	6	40 %	2	13.3%	15
5. Kad jalur	6	40 %	2	13.3%	4	26.7 %	3	20 %	15
6. Kad gambar	8	53.3 %	4	26.7 %	1	6.7 %	2	13.3 %	15
7. Kad perkataan	8	53.3 %	2	13.3 %	3	20 %	2	13.3 %	15
8. Carta ayat	4	26.7 %	4	26.7 %	6	40 %	1	6.7%	15
9. Kad imbasan	5	33.3 %	6	40 %	3	20 %	1	6.7%	15
10. Gambar poster	5	33.3 %	7	46.7 %	2	13.3 %	1	6.7 %	15
11. Papan gulung	4	26.7 %	5	33.3 %	3	20 %	3	20 %	15
12. Kad bacaan bergambar	7	46.7 %	3	20 %	4	26.7%	1	6.7 %	15
13. Kad bacaan bersiri	2	13.3%	8	53.3 %	4	26.7%	1	6.7 %	15
14. Modul bacaan	2	13.3%	6	40 %	6	40 %	1	6.7%	15
15. Buku bacaan	4	26.7 %	5	33.3%	5	33.3%	1	6.7%	15

Petunjuk:

- 1. Sangat kerap
- 2. Kerap
- 3. Jarang
- 4. Tidak pernah

#### **4.5.2 Jumlah Bilangan GSPKCP Menggunakan ABM Mengikut Kekerapan**

Sepertimana yang dibincangkan dalam huraian 4.5.1 di atas, pengkaji akan menghuraikan pula berkenaan jumlah bilangan GSPKCP yang menggunakan ABM mengikut kekerapan sepertimana dalam Jadual 4.26 di atas. Pengkaji akan mengkaji bilangan penggunaan ABM berdasarkan jumlah yang sangat kerap, kerap, jarang dan tidak pernah. Penggunaan ABM yang dimaksudkan adalah terdiri daripada kad jalur, kad gambar, kad perkataan, kad imbasan, kad bacaan bergambar, carta ayat, gambar poster, kad bacaan bersiri dan lain-lain (seperti mana dalam jadual di atas).

Berdasarkan data yang diperoleh, didapati di antara alat-alat ABM yang dinyatakan itu, jumlah guru yang sangat kerap menggunakan ABM dalam aktiviti pengajaran bahasa ialah kad gambar, kad bacaan bergambar dan kad perkataan (6-8 orang guru). Sementara kad bacaan bersiri, kad imbasan, gambar poster dan modul bacaan kerap digunakan oleh responden. Jumlah bilangan guru yang menggunakan alat-alat ini di antara 7-8 orang guru. Manakala bilangan guru yang jarang menggunakan ABM contohnya seperti radio, carta ayat, keratan akhbar dan modul bacaan adalah 6 orang guru.

Begitu juga dengan radio, OHP/slaid, TV/Komputer tidak pernah digunakan oleh GSPKCP. Jumlah guru yang tidak pernah menggunakan peralatan ini adalah di antara 7-9 orang guru. Penggunaan peralatan ini adalah tidak bersesuaian dengan murid-murid pekak kerana pembelajaran mereka bukannya berdasarkan kepada bunyi bahasa (seperti mana radio dan TV) yang membawa makna bahasa. Pembelajarannya adalah menggunakan isyarat tangan bagi mewakili maksud bahasa. Pembelajaran mereka lebih

berkesan lagi sekiranya diperbanyakkan dengan menggunakan gambar dan persekitaran mereka. Kedua-dua faktor ini saling mempengaruhi dan memain peranan utama dalam pembelajaran bahasa mereka.

Sebelum itu, Fatimah (1980) yang dipetik dari Fadzil Abdullah, 1997 menyatakan penglibatan seperti deria dengar, lihat, sentuh, hidu dan rasa hanya akan berlaku sekiranya pelbagai jenis bahan bantu mengajar (ABM) digunakan dalam sesuatu pengajaran. Beliau memperlihatkan peranan deria seperti berikut:

- a. 1% melalui deria rasa
- b. 1.5 % melalui sentuh
- c. 3.5 % melalui penghiduan
- d. 11% melalui pendengaran
- e. 83 % melalui pendengaran dan penglihatan

(Fatimah, 1980)

Walaupun kanak-kanak bermasalah pendengaran kehilangan pendengaran, namun ini tidak bermakna teknik dan kaedah pengajaran yang akan digunakan adalah terhad, kerana GSPKCP masih boleh menyediakan media yang sesuai melalui deria lain contohnya dengan deria penglihatan, rasa atau sentuh dalam menerima pelajaran dengan cepat. Pembelajaran yang berkesan dapat dicapai dengan melibatkan sebanyak mungkin pancaindera dan kekerapan penggunaan ABM.

#### **4.5.3 Keberkesanan Penggunaan ABM**

Jadual 4.27 di bawah menunjukkan keberkesanan penggunaan ABM oleh guru semasa mengajar murid-murid pekak, analisis data di atas menunjukkan 66.7% sangat bersetuju mengenai keberkesanan penggunaan ABM semasa mengajar murid-murid pekak. Penggunaan ABM ini amat membantu guru-guru bagi mencapai objektif pengajaran yang berkesan. Tidak dinafikan bahawa penggunaan ABM dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan berkesan. Menurut Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz

(2003), ABM memain peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia berfungsi untuk menambahkan kelancaran perhubungan antara guru dengan pelajar, pelajar dengan guru dan pelajar dengan pelajar. Ia dapat memudahkan pelajar membentuk konsep yang betul dan menerima pelajaran dengan cepat.

**Jadual 4.27: Taburan Pendapat GSPKCP Tentang Keberkesan Penggunaan ABM**

Pendapat GSPKCP Tentang Keberkesan Penggunaan ABM	Bil. Guru	Peratus
Sangat setuju	10	66.7%
Setuju	5	33.3%
Tidak setuju		
Sangat Tidak setuju		
Jumlah	15	100 %

### Kesimpulan

Dapatan kajian menggambarkan mengajar murid-murid pekak memerlukan daya kreativiti, ilmu pengetahuan, minat bahkan kesabaran yang tinggi seseorang guru untuk menyumbang bakti kepada murid-murid pekak kerana murid-murid ini adalah murid-murid istimewa. Oleh itu, pendekatan pengajarannya juga bersesuaian dengan sifat “keistimewaananya”. Pelbagai cara dan kaedah telah dipraktikkan atau dilaksanakan oleh GSPKCP dengan kerapnya bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa serta dapat menarik minat murid-murid untuk terus belajar. Pengajaran yang kemas serta tersusun rapi dapat menambat hati murid-murid pekak supaya bersemangat untuk terus belajar.

## **4.6 PEMERHATIAN**

### **4.6.0 Pendahuluan**

Dalam kaedah pemerhatian pula, pengkaji akan melihat beberapa kaedah pengajaran yang disampaikan oleh GSPKCP bagi menambahkan lagi data kajian. Selain daripada data dalam soal selidik. Di antaranya ialah kaedah latih tubi, soal jawab, bacaan, karangan, persekitaran, elektik, terapi pertuturan di samping penggunaan makmal bahasa serta penggunaan IT.

Kaedah pengajaran bukannya teras pengajaran semata-mata dalam membimbing murid-murid sebegini. Sifat-sifat positif guru tidak seharusnya dikesampingkan malah perlu wujud dalam diri seseorang guru yang terlibat dalam mendidik kanak-kanak istimewa. Sifat-sifat murni seseorang guru perlu tersemat dalam hati mereka, kerana mendidik kanak-kanak istimewa memerlukan pengorbanan, cabaran, curahan kasih sayang, rasa simpati, bersabar serta berbagai-bagai sifat positif perlu hadir dalam hati seseorang guru. Hanya guru istimewa dapat membimbing anak-anak istimewa. Guru yang berkualiti. berhemah tinggi, proaktif dan berinovasi dapat menjana semangat yang kuat dalam melaksanakan tanggungjawab dalam bidang pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas cacat pendengaran.

### **4.6.1 Kaedah Latih Tubi**

Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk menambahkan serta menguatkan ingatan mereka dalam setiap pembelajaran. Latihan yang kerap akan mempercepatkan penguasaan dan pemahaman mereka tentang bahasa. Kaedah ini diamalkan oleh guru bermula dari tahap 1 lagi ( tahun 1-3). Ianya berterusan hingga ke tahap 2 (tahun 4- 6) dan seterusnya peringkat menengah. Permulaan dengan menggunakan satu perkataan

mudah. Mereka boleh mempelajari dengan suasana yang selesa. Setelah mereka memahami maksud perkataan-perkataan, guru akan membina ayat yang mudah merujuk kepada perbendaharaan kata yang telah dipelajari. Kaedah seumpama ini dapat membantu mereka dalam menggunakan bahasa untuk berkomunikasi bahkan dalam pembacaan dan juga penulisan.

#### **4.6.2 Kaedah Bacaan**

Dalam kaedah ini, pengkaji membuat pemerhatian bermula dari tahap 1 hingga tahap 2. Tahap 1 merujuk kepada murid yang berada dalam tahun 1-3 sementara tahap 2 murid-murid yang berada dalam tahun 4-6. Tahap 1, pada peringkat awal murid-murid diperkenalkan dengan abjad. Pengenalan kepada abjad bertujuan memudahkan murid-murid cepat mengeja seterusnya dapat membaca. Secara keseluruhannya murid-murid mengenal huruf yang telah diajar oleh guru. Apabila murid-murid dapat mengenali abjad, guru-guru akan mengajar suku kata untuk tujuan pengejaan. Guru akan mengajar teknik ejaan berdasarkan perkataan mudah. Perkataan ini pula dilambangkan dengan objek. Sebagai contoh perkataan bola dieja serta dilambangkan dengan gambar bola. Begitulah kelangsungan pembelajaran yang dipraktikkan oleh guru-guru ini sepanjang proses pembelajaran. Untuk mempercepatkan kefahaman dan ingatan yang berterusan, guru-guru mengajar menggunakan kaedah suaikan atau padankan, lengkapkan, isi tempat kosong berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang diberikan oleh guru-guru ini. Guru akan memberi latihan setelah mereka mengajar dengan menggunakan seperti kaedah dibincangkan. Guru memberi latihan sekiranya mungkin bagi mengelakkan daripada lupa terhadap perkataan-perkataan yang telah dipelajari.

Manakala murid-murid yang berada pada tahap 2 (tahun 4, 5 dan 6) kaedah bacaan amat bersesuaian bagi mereka untuk mengayakan lagi perbendaharaan bahasa mereka. Melalui kaedah pembacaan ini murid-murid dapat menguasai bahasa secara berperingkat-peringkat. Guru memberi petikan yang pendek berserta dengan gambar. Petikan adalah terdiri daripada ayat-ayat yang mudah bagi memudahkan pemahaman murid-murid. Mereka dapat mengaitkan perkataan dalam petikan bersama dengan gambar yang terdapat dalam petikan. Dengan cara begini mereka boleh memahami petikan yang diberikan oleh guru mereka. Untuk memastikan murid-murid ini betul-betul faham, guru menyoal setiap orang murid berdasarkan petikan yang dibacanya. Daripada sini guru dapat merumuskan sama ada murid ini dapat memahami keseluruhan teks atau sebahagian teks. Kerana isi petikan mengandungi ayat yang gramatis dan terdapat pula penggunaan perkataan abstrak. Oleh itu murid-murid menghadapi kesukaran untuk memahami ayat-ayat sebegini. Penerangan guru-guru yang jelas amat diperlukan oleh murid-murid supaya mereka dapat memahami isi kandungan teks. Dalam penerangan, guru mengaitkan faktor persekitaran, pengalaman, pemerhatian serta aktiviti luar bilik darjah diketengahkan untuk menambahkan lagi pemahaman mereka. Biasanya faktor-faktor ini merujuk kepada perkataan abstrak atau kata penghubung yang digunakan bagi menyempurnakan ayat dalam sesuatu petikan. Disinilah guru menghadapi kesukaran untuk memahamkan kepada mereka perkataan-perkataan seumpama ini.

Kaedah bacaan menjadi keutamaan kepada GSPKCP ini. Melalui pembacaan murid-murid dapat mempelajari bahasa yang pelbagai di samping menambahkan penguasaan bahasa kepada mereka. Pendapat GSPKCP menyatakan bahawa kemahiran

bacaan ini perlu diterapkan, kerana ianya dapat mendedahkan murid-murid kepada penggunaan bahasa yang sempurna dan sistematik.

Danny D. Steinberg terjemahan Azhar Simin ( 1990 : 302 ), menyatakan bahawa ada beberapa kebaikan mengajar kemahiran membaca kepada kanak-kanak prasekolah. Pertama, melalui membaca ianya dapat memenuhi dan merangsang naluri ingin tahu kanak-kanak. Ini kerana membaca memberikan rasa keseronokan dan merupakan sumber pengetahuan serta memperkayakan watak kanak-kanak. Lebih-lebih lagi kanak-kanak yang gemar membaca, maka beruntunglah dia dan lebih menariklah dia untuk membaca.

Kedua, suasana tidak formal dan selalu membantu di rumah atau di tadika merupakan keadaan paling baik untuk pembelajaran. Dalam keadaan yang demikian sikap positif terhadap membaca boleh dibina tanpa halangan yang kerap wujud di sekolah rendah.

Kebaikan ketiga, kanak-kanak mempunyai keupayaan pembelajaran melalui hafalan dan lebih mudah menerima pembelajaran daripada orang dewasa.

Jika dilihat kajian yang dilakukan oleh Soderbergh 1971, Weeb 1981, Doman 1964, Terman 1918 dan Fowder 1962 dalam buku ‘Psikolinguistik Bahasa, Akal, Budi dan Dunia’ yang ditulis oleh Danny D. Steinberg yang diterjemahkan oleh Azhar Simin 1990:302. Menunjukkan bahawa kanak-kanak boleh diajar membaca semasa kecil lagi.

Illias Hj. Zaidi 1979: 11 pula menyatakan bahawa penguasaan dan kemahiran membaca serta ditambah dengan minat yang mendalam akan membolehkan seseorang kanak-kanak dapat mendukung cita-citanya bagi mencapai pelajaran sepanjang hayat, selepas keluar dari bangku sekolah.

Menurut Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Azizi 1996:1 pula, melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak diperolehi melalui pengalaman biasa yang lain. Membaca dapat membantu memperluaskan pemikiran dan idea serta meningkatkan daya kreatif seseorang dalam pelbagai bidang.

Menurut A. Van Uden dalam (Abdul Aziz b. Awang 1989), kemahiran membaca harus ditekankan lebih daripada aktiviti mengarang dalam pengajaran bahasa kepada pelajar pekak. Membaca tidak sahaja melibatkan tujuan-tujuan praktikal tetapi meliputi pelbagai tujuan lain. Kekerapan bahasa yang diterima sangat bergantung kepada pembacaan. Membaca dapat memberi mereka sumber dan asas untuk memperkembangkan bahasa tulisan.

Menurut Kamaruddin Husin, membaca mempunyai dua tujuan iaitu tujuan semerta dan tujuan lanjut. Seterusnya beliau menggolongkan bacaan kepada dua jenis, iaitu bacaan bersuara (bacaan mekanis) dan bacaan senyap (bacaan akliah). Bacaan bersuara ialah menyuarakan tulisan dengan suara yang jelas dan terang dengan intonasi dan irama mengikut gaya membaca yang betul dengan menggunakan alat-alat pertuturan. Bacaan senyap pula ialah bacaan yang disuarakan dalam hati atau menukar isi bacaan kepada makna tanpa mengeluarkan suara.

Hasil daripada pemerhatian juga. Murid-murid pekak tidak mampu menguasai kemahiran bacaan bersuara oleh mereka kerana kesukaran untuk mengeluarkan ujaran. Oleh yang demikian bacaan senyap dapat membantu mempertingkatkan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar pekak.

Cara-cara GSPKCP mengendalikan bacaan senyap kepada pelajar pekak.

1. bacaan adalah untuk kefahaman dan dilakukan secara bertulis
2. bahan yang diajar berperingkat-peringkat daripada bahan yang sedikit dan mudah kepada bahan-bahan yang banyak
3. GSPKCP membantu dan memandu pelajar-pelajar semasa pembacaan berlangsung. GSPKCP berosal jawab dan membincangkan perkataan atau rangkai kata yang menimbulkan kesukaran dalam pemahaman seperti kata-kata yang mendukung konsep-konsep abstrak dan sebagainya.
4. GSPKCP menentukan bahan bacaan kepada murid-murid dan murid-murid pula cuba memahamkannya sendiri. Guru hanya menghadkan masa kepada murid-murid untuk membaca dan memahamkan isi bacaan.
5. kemudian GSPKCP pula menjalankan latihan kefahaman dengan mengemukakan soalan-soalan. Di samping itu, teknik memberitahu semula apa yang telah dibaca oleh murid-murid bagi menguatkan lagi kefahaman murid-murid. Kemudian dibuat dalam bentuk ujian objektif dan subjektif.
6. GSPKCP juga membantu dalam membetulkan kesalahan yang terdapat semasa pelajar-pelajar mengemukakan isi bacaan.

Selain daripada teknik membaca senyap teknik bercerita juga digunakan dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar pekak. Sebenarnya pelajar pekak menikmati keseronokan yang sama seperti pelajar normal dalam aktiviti penceritaan. Cuma terdapat sedikit perbezaan di antara teknik bercerita dalam kalangan pelajar-pelajar normal dan pekak. Jikalau normal menggunakan perantaraan lisan, pelajar-pelajar pekak bercerita melalui BMKT (Kamaruddin Hj. Husin, 166-169 (1986).

#### **4.6.3 Kaedah Penulisan Karangan**

Karangan adalah satu jenis gerak kerja yang penting dalam aspek penulisan. Pengajaran karangan bagi semua peringkat sama ada pelajar pekak maupun normal adalah mustahak kerana karangan merupakan tingkat tertinggi kemahiran berbahasa. Bagi pelajar pekak yang bahasa pertuturnya yang sederhana, bidang penulisan merupakan cabang bagi mereka untuk menyatakan pengalaman, emosi, imaginasi, ilmu pengetahuan dan sebagai dalam kehidupan mereka.

GSPKCP melatih murid-muridnya menulis karangan yang mudah dan menjadi pilihan GSPKCP dalam kaedah pengajaran mereka. Gerak kerja menulis yang kerap dapat membantu murid-murid pekak memahami bahasa secara berperingkat. Selalunya karangan murid-murid pekak adalah berdasarkan gambar. Guru-guru mengedarkan gambar berserta tajuk untuk menghasilkan karangan. Gambar ini terdiri daripada peristiwa yang berlaku dipersekitaran mereka. Contohnya gambar yang menceritakan hidup berjiran, tolong menolong dalam masyarakat, melawat di tempat-tempat menarik dan sebagainya. Tujuan guru berbuat demikian adalah untuk memudahkan pemahaman mereka dan senang pula bagi mereka menghasilkan bahasa yang berdasarkan kehidupan harian mereka. Mereka juga boleh mengaitkan maksud sesuatu perkataan dengan benda-benda maujud yang ada dipersekitaran mereka.

Sehubungan dengan ini, Lado menegaskan:

*“The Writing of an essay on an assignment topic enjoys great prestige  
not only as a test of ability to write but as a sign intelligence, education  
and academic achievement as well”*

Robert Lado, Language Teaching hlm 25.

Sementara berdasarkan Salleh Mohd Akib (dalam Abdul Aziz b. Awang 1989), pula membahagikan karangan kepada 3 jenis:

- i) karangan lisan
- ii) karangan bertulis
- iii) karangan terkawal

Karangan peringkat terkawal adalah karangan peringkat asas yang harus dilalui oleh pelajar dalam gerak kerja penulisan. Karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya dikawal oleh guru. Susunannya dikawal dengan ketat dan sedikit-sedikit dipimpin kepada karangan bebas. Tujuan karangan terkawal ini ialah segala isi dan bahasanya sedia dikawal oleh guru. Susunannya dikawal dengan ketat dan sedikit-sedikit dipimpin kepada karangan bebas. Tujuan karangan terkawal ini ialah untuk mengurangkan kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam kalangan pelajar pekak. Apa yang dititikkan dalam karangan terkawal ialah melancarkan penggunaan bahasa dan mengeluarkan fikirannya dengan tidak diganggu oleh soal bahasa.

#### **4.6.4 Kaedah Elektik**

Kaedah Elektik (KE) adalah kaedah yang menggabungkan segala ciri-ciri yang baik dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah lain. Dengan lain perkataan, kaedah ini merupakan satu cara mengajar bahasa yang menggunakan berbagai kaedah dan tidak terikat kepada satu-satu kaedah sahaja (Abdul Aziz b. Awang 1989).

Dalam kaedah pengajaran murid-murid pekak, GSPKCP menggunakan lebih banyak usaha dan daya kreatif mereka sendiri bagi mewujudkan suatu suasana pembelajaran yang baik. Seterusnya, menjamin pencapaian dan penguasaan BM yang baik. GSPKCP mengajar mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar-pelajar pekak.

Tujuan utama pengajaran BM dalam kalangan pelajar-pekak ialah supaya mereka dapat menguasai keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Namun begitu penekanan lebih ditumpukan kepada membaca dan menulis kerana kecacatan pendengaran yang dialami oleh mereka menghalang mereka menguasai bahasa pertuturan dengan baik.

Dalam hal ini, GSPKCP bijak menyesuaikan objektif pengajaran BM dengan kaedah-kaedah yang digunakan. Hasilnya GSPKCP dapat mencapai keempat-empat objektif di atas, GSPKCP juga menggunakan teknik-teknik mereka sendiri yang sesuai dengan pendekatan tersebut. Melalui penggunaan elektik ini, GSPKCP tidak terikat dengan sesuatu pendekatan sahaja. Kaedah begini penting dalam pengajaran BM dalam kalangan pelajar-peleajr pekak memandangkan keadaan bahasa mereka yang terbatas.

#### **4.6.5 Penggunaan Gambar**

Pelbagai jenis gambar telah digunakan oleh GSPKCP untuk menambahkan perbendaharaan kata yang baru serta menunjukkan maknanya. Gambar-gambar amat penting kepada pelajar pekak kerana melalui perantaraan penglihatan memungkinkan mereka memahami makna sesuatu kata itu, gambar sangat berkesan dalam memberi rangsangan makna kepada mereka.

#### **4.6.6 Kaedah Persekutaran**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM dalam kalangan pelajar pekak, GSPKCP memastikan supaya semua murid-muridnya memperuntukan masa dan latihan pemahaman yang sama dalam tugas perangsangan, cara perangsang ini didasarkan pada teori Gestalt. Jadi perangsangan melalui mata, pembacaan bibir dan membaca bahasa tulisan serta seumpamanya melalui rasa tangan menggunakan BMKT dengan sebaik

mungkin dan menulis dengan baik, melalui telinga (menggunakan baki-baki pendengaran bahasa yang baik, terutama dengan alat bantuan pendengaran, melalui mulut dan lidah (cuba bercakap dalam persekitaran (konteks yang sebenar) dan sebagainya, amat penting kepada pelajar-pelajar pekak.

Bagi mencapai maksud di atas, GSPKCP memberi penekanan kepada kaedah Komunikasi Seluruh (KS) dalam mengajar BM kepada pelajar pekak. KS mampu mendokong hampir kesemua rangsangan-rangsangan yang dinyatakan termasuk BMKT, pembacaan bibir, pertuturan mimik muka dan sebagainya. Dengan tumpuan penekanan kepada KS pusat bahasa pelajar pekak akan menerima rangsangan daripada semua inderanya. Seterusnya penguasaan bahasa mereka bertambah.

Teori Gestalt menyatakan bahawa persepsi kita bekerja ialah daripada keseluruhan sesuatu benda yang diamati barulah kepada bahagian-bahagiannya. Dengan demikian, GSPKCP mempercayai bahawa pemerolehan bahasa ibunda seseorang pelajar berlaku menurut hukum Gestalt, iaitu pelajar mengamati keseluruhan sesuatu ayat atau kata, barulah bahagian-bahagian prosedurnya daripada satu wacana, kemudian kepada ayat, terus ke frasa dan selanjutnya kepada kata dan mungkin ke bahagian yang lebih kecil iaitu morfem.

#### **4.6.7 Kaedah terapi**

GSPKCP menilai perkembangan bahasa dan pertuturan murid-murid pekak melalui kaedah terapi. Mengenalpasti masalah dan mencadangkan serta menjalankan intervensi bagi membantu murid-murid ini. GSPKCP kerap melatih murid-muridnya menyebut perkataan dengan betul dengan mengikut gerak bibir. Kaedah terapi ini amat bersesuaian

dengan tahap pendengaran seseorang murid yang mempunyai sisa pendengaran. GSPKCP banyak membantu murid-murid ini dalam pertuturan.

#### **4.6.8 Makmal Bahasa**

GSPKCP selalu menggunakan makmal bahasa bagi mempercepatkan pembelajaran bahasa murid-murid pekak. Makmal bahasa adalah bilik yang berasingan bertujuan melatih pelajar mendengar dan bertutur dengan bantuan alat-alat elektronik seperti komputer, alat rakaman, alat mendengar dan alat-alat bunyi. Bagi pelajar pekak, alat paling penting yang perlu ada dalam makmal bahasa ialah alat bantu pendengaran berkumpulan. Melalui penggunaan alat ini, pelajar pekak mampu mendengar dan menelaah apa yang diujarkan sama ada daripada suara guru, suara yang dirakamkan melalui alat rakaman, mahupun suaranya sendiri. Ini menggalakkan mereka bertutur kerana adanya masukan yang berupa maklumat-maklumat bahasa ke dalam pusat bahasa mereka.

Makmal bahasa dapat memberi contoh ucapan yang baik bagi menjadi tiruan kepada pelajar-pelajar pekak. Melalui penggunaan makmal bahasa, mereka dapat diberi aneka ujaran oleh GSPKCP. Usaha ini tentu mendatangkan kesan yang baik kerana sebelum ini mereka tidak mampu mendengar apa lagi menelaah ujaran-ujaran yang disampaikan kerana kecacatan pendengaran mereka.

Menurut Cheong Kay Fong dalam (Abdul Aziz b. Awang 1989) alat bantu pendengaran amat penting dalam membantu pelajar-pelajar pekak menguasai bahasa. Namun demikian, kekerapan penggunaan alat bantu ini sepanjang masa akan mengalami kerosakan dan tidak dapat dibetulkan kerana ketiadaan pakar-pakar teknikal yang mahir dalam bidang ini.

#### **4.6.9 Penggunaan Teknologi Komunikasi**

GSPKCP memperkenalkan penggunaan alat teknologi komunikasi bagi memudahkan murid-murid ini berkomunikasi. Penggunaan IT dan bantuan teknologi lain adalah penting bagi mewujudkan hubungan sosial dengan masyarakat. Penggunaan IT adalah suatu yang baru diperkenalkan dan tidak banyak digunakan oleh semua sekolah cacat pendengaran kerana ianya memerlukan peruntukan ataupun modal yang besar. Terdapat beberapa produk yang dikeluarkan oleh *Apple Computer, Inc* bagi computer *Apple, Macintosh* dan *PowerBook* bagi membantu mereka yang mempunyai masalah.

Antara bantuan teknologi komunikasi keluarannya adalah:

1. *skrin Sentuh (touch power)*

komputer skrin ini boleh bertindak balas dengan sentuhan.

2. *Talking Word processor*

Apabila huruf, perkataan dan ayat ditaipkan, komputer ‘menyebutnya’ kembali

3. *Screen image enlarge*

Boleh menbesar imej di skrin sehingga 16 kali ganda daripada standard.

4. *Talking computer commands*

Pakej perisian ini membolehkan komputer menambahkan ‘suara’ kepada ikon, windows dan menu

5. *TTY modem (text Telephone)*

Modem ini berfungsi sepenuhnya sebagai telefon teks. Ia boleh menerima panggilan telefon bagi individu yang bermasalah pendengaran. Ia juga boleh menerima dan menghantar faks seperti faks modem biasa

6. *papan kekunci besar yang ditempah khas*

papan kekunci ini besar daripada papan kekunci standard dan mempunyai permukaan yang sensitif terhadap sentuhan. Pengguna boleh mengubah suai sama ada memerlukan sentuhan kuat ataupun perlahan bagi setiap huruf.

7. *papan kekunci kecil yang ditempah khas*

bagi individu yang mempunyai gerakan yang terhad. Individu yang hanya menggunakan sebelah tangan memilih papan kekunci kerana lebih mudah digunakan

8. *kawalan kepala ultrasonic*

set kepala yang direka ini membolehkan individu mengendalikan komputer dengan menggerakkan kepalanya dan meniupkan straw. Ia digunakan oleh individu yang mengalami masalah fizikal yang teruk. Dengan alat ini, papan kekunci dan tetikus tidak diperlukan bagi mengendalikan komputer.

9. *input komputer bersuara*

komputer melakukan arahan yang diberi dan memprosesnya.

10. *word prediction tool*

perisian yang memudahkan individu menulis kerana ia boleh meneka apa yang ingin ditaipkan. Ini membuat ejaan betul dan tidak perlu banyak menaip.

IBM juga menyediakan bantuan teknologi bagi golongan istimewa. Berikut adalah produk hasil keluaran IBM:

1. *speech synthesizers*

boleh menterjemahkan maklumat yang ditaip ataupun ‘scan’ melalui pertuturan lengkap dengan intonasi dan nada. Ia juga boleh digunakan dengan peralatan “smart keyboard”

2. *voice type*

Perisian ini adalah program kenal pasti pertuturan yang fleksibel yang membolehkan individu mengawal banyak program perisian computer dengan bertutur

3. “screen magnifier”

perisian ini boleh membesaraskan perkataan dan imej dimonitor komputer sebesar 2 hingga 32 kali ganda. Ia boleh menukar warna diskrin.

4. *kurzweil personel reader*

ia boleh scan bahan bercetak dan menterjemahkannya ke dalam bahasa pertuturan. Bahan yang sudah discan dapat didengar serta merta atau disimpan bagi didengar kemudian.

Menurut K.A Razhiyah (2005) walaupun tidak menggunakan peralatan itu dalam kelas, sekurang-kurangnya GSPKCP mempunyai maklumat mengenai teknologi komunikasi yang boleh membantu golongan istimewa di dalam hidup mereka.

#### **4.6.10 Minat murid**

GSPKCP selalu mendorong murid-muridnya supaya meningkatkan penguasaan bahasa melalui perbendaharaan kata dengan menanam minat atau hobi. Pelajar-pelajar yang berumur 1-12 tahun biasanya mempunyai kegemaran mengumpul sesuatu seperti mengumpul setem, gambar, poskad dan sebagainya. Kecenderungan ini diterapkan oleh

GSPKCP bagi mempertingkatkan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar pekak.

GSPKCP selalu memberikan pelajar-pelajar indek alphabet, beberapa halaman bercetak dan sebagainya. Dengan ini pelajar-pelajar boleh mencatatkan perkatan baru dan menyatakan apa yang dikumpulkan oleh mereka. Seterusnya pelajar dapat mengalami pula bagaimana perbendaharaan kata mereka dan membandingkan mereka dengan apa yang baru mereka perolehi.

#### **4.7 Sifat-Sifat Positif GSPKCP**

Selain daripada kaedah pengajaran pengkaji juga turut melihat sifat-sifat positif GSPKCP. Contohnya mempunyai sifat minat dan tidak putus asa, rajin dan cekap. GSPKCP mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membina sikap yang positif dan memberi peluang pendidikan dan kualiti hidup yang sempurna pada murid pendidikan khas cacat pendengaran.

Ini disokong oleh K.A Razhiyah, bahawa karier guru dalam dunia pendidikan, menjanjikan peluang untuk memberikan perkhidmatan dan menyumbangkan dalam perkembangan individu. Mendidik kanak-kanak sebegini memberi ganjaran, kepuasan peribadi dan keyakinan kerana mampu menyampaikan ilmu sebagai orang yang terlatih dan mempunyai strategi yang teratur. Murid yang dididik mampu menggunakan ilmu yang dipelajari dalam menghadapi cabaran baru dalam hidupnya.

##### **4.7.1 Minat dan tidak putus asa**

Minat GSPKCP merupakan jalan untuk membimbing serta mendidik murid-murid pekak. Jambatan yang teguh dan padu dapat membina semangat yang kuat dan kental dalam melaksanakan pengajaran. Minat yang menebal dalam bidang ini melahirkan guru

yang terbaik dan sentiasa mempertingkatkan kerjayanya dalam pengajaran dan sentiasa mencari jalan dan idea baru bagi memperkemaskan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran.

Ini dapat dibuktikan oleh K.A Razhiyah (2005) dalam bukunya yang bertajuk ‘Menjadi Guru Pendidikan Khas’. Apabila dalam jiwa GSPKCP terdapat perkataan minat menjadi guru pendidikan khas, semua masalah adalah remeh belaka. Bagi mereka tidak ada sebarang masalah yang tidak dapat diatasi sebagai guru pendidikan khas.

Apabila minat tersemai, dengan sendirinya kerja menjadi lebih mudah. Sentiasa mewujudkan hubungan yang baik dengan murid kerana minat yang telah tertanam dalam hati. Sering meluangkan masa dengan murid-murid pekak sama ada sebelum ataupun selepas waktu persekolahan. Sudah tentu GSPKCP mengetahui latar belakang hidup murid-muridnya dan bertanyakan masalah mereka. Apabila wujudnya hubungan yang baik dengan murid, sudah pasti guru-guru ini tidak mempunyai masalah dalam mengajar mereka.

Semasa GSPKCP ini mengajar pengkaji mendapati adanya perasaan minat mengajar murid-murid pekak. Contohnya bermain ‘game’ di antara GSPKCP dengan murid-muridnya untuk tujuan pengajaran bahasa. GSPKCP menggunakan ‘game’ untuk memberi penerangan sesuatu bahasa yang sukar difahami oleh murid-muridnya. Penerangan GSPKCP dalam bahasa isyarat berserta objek yang dilihat dalam ‘game’ mempercepatkan pemahaman bahasa murid-murid. Dalam setiap ‘game’ murid-murid pekak boleh mempelajari banyak bahasa, terutama yang berkaitan dengan bahasa abstrak. Sewaktu mereka bermain ‘game’ pengkaji melihat hubungan mereka dengan murid

begitu mesra. Mungkin minat yang ada dalam diri GSPKCP membuatkan guru-guru melakukan lebih daripada yang biasa.

GSPKCP ini juga tidak mudah putus asa dalam membimbing dan mendidik murid-muridnya. Mungkin pada pendapat guru murid-murid pekak adalah murid yang berbeza daripada murid biasa daripada segi pencapaian pemahaman bahasa dan tahap penerimaannya. Pengkaji mendapati GSPKCP ini mempunyai semangat dan hati yang cekal dan tidak mudah putus asa. Murid khas memerlukan masa yang lama untuk memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru. Walaupun begitu guru-guru ini tidak mempamerkan wajah yang membayangkan diri guru-guru berputus asa untuk terus mengajar murid-murid pekak meskipun mereka gagal atau sukar untuk memahami pengajaran yang disampaikannya. Bahkan guru-guru memberi peluang kepada murid-muridnya untuk terus belajar. Usaha yang bersungguh-sungguh sudah pasti dapat memotivasi kan semangat terus belajar.

#### **4.7.2 Ilmu pengetahuan**

GSPKCP ini juga mempunyai pengetahuan dalam bidang pendidikan khas cacat pendengaran. Kelengkapan ilmu tentang cacat pendengaran sudah pasti dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut K.A Razhiyah (2005) guru-guru yang mempunyai pengetahuan berkenaan perkembangan kanak-kanak dapat membantu menangani masalah murid. Apabila GSPKCP mengetahui berkenaan perkembangan kanak-kanak, sudah pasti GSPKCP dapat mengesan murid yang mengalami perkembangan yang lewat. Contohnya murid yang berusia tujuh tahun sudahpun dapat menguasai bahasa isyarat dengan baik sedangkan murid yang berusia 10 tahun masih tidak dapat mempelajari bahasa dengan baik. GSPKCP yang memahami perkembangan

murid-murid, sudah pasti dapat membantu GSPKCP menjadi lebih sensitif pada perbezaan perkembangan murid-murid. Setiap murid perlu ditangani dengan cara yang berbeza.

#### **4.7.3 Berfikiran positif**

GSPKCP juga berfikiran positif dalam mengajar murid-murid pekak. Ini dapat membentuk murid yang cemerlang dalam hidupnya. GSPKCP juga mempunyai visi terhadap pada murid-murid pekak dengan tujuan supaya mereka berjaya. GSPKCP berpendapat bahawa semua murid boleh diajar. Perkara yang penting adalah perlu melihat sama ada murid-murid sudah bersedia untuk belajar atau tidak. Bersedia belajar adalah kombinasi kearah membentuk kematangan, mempunyai motivasi bagi melakukan dan peluang bagi mempertingkat kebolehan. Berhubung sifat-sifat sebegini pengkaji melihat kegigihan guru-guru mengajar bahasa dalam pelbagai bentuk untuk memudahkan pemahaman murid-muridnya. Umpamanya mengajar murid setiap masa sama ada di sekolah mahupun di asrama (tempat tinggal murid-murid pekak). Guru-guru ini sentiasa mengajar mereka tentang bahasa. Guru-guru ini menyatakan bahawa pembelajaran tidak semestinya di sekolah. Persekutaran mereka amat mempengaruhi perkembangan bahasa mereka. Malahan mereka cepat memahami bahasa dengan menghubungkan unsur alam di sekeliling mereka.

#### **4.7.4 Rajin dan cekap**

GSPKCP juga memiliki sifat yang rajin, rajin adalah kriteria yang istimewa kerana dapat membantu murid-murid pendidikan khas. Dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid pekak kaedah dan bahan pengajaran adalah menarik. Ianya bertujuan untuk menarik minat mereka. Mungkin pihak sekolah menyediakan bahan bantu mengajar,

namun kadangkala bahan itu tidak sesuai dan tidak mencukupi. Disebabkan bahan bantu yang tidak bersesuaian, guru-guru ini menggunakan daya kreativitinya untuk memudahkan mereka mengajar. Penyediaan bahan bantu yang dilengkapi dengan reka cipta yang mengagumkan dengan imaginasi atau ilustrasi yang menarik serta berwarna-warni dan cantik dapat menambahkan lagi minat mereka mempelajari bahasa.

#### **4.7.5 Kreatif**

Sifat kekreatifan yang dimiliki oleh GSPKCP adalah menyeronokan murid-murid, setiap hari murid-murid menunggu ketibaan guru-gurunya kerana guru-guru akan membawa pelbagai kaedah pengajaran yang baru. Murid-murid tidak jemu apabila guru memiliki sifat sedemikian, secara tidak langsung dapat mencungkil minat dan bakat dalam diri murid-murid. GSPKCP mempunyai pelbagai bahan ataupun aktiviti yang menarik bagi mendorong murid belajar. Menjadi GSPKCP yang kreatif, bukan perkara yang sukar dan juga bukan sesuatu yang payah. Segalanya terletak pada sikap seseorang guru, sama ada menjadi guru yang kreatif atau menjadi guru yang ‘biasa-biasa’. Tidak sukar menjadi guru yang kreatif. Perkara yang penting adalah berusaha menuju kearah itu. Bagi menambahkan lagi daya kreativiti mereka, mereka mengadakan pelbagai program. Contohnya program lawatan bagi menambahkan lagi ilmu, kerana setiap guru mempunyai kreativiti tersendiri (K.A Razhiyah).

Guru ini juga pandai menyesuaikan ‘mood’ dan keperluan murid pada satu-satu masa. Sekiranya mereka melihat murid kelihatan jemu, guru-guru ini berusaha menyuruh murid-murid bergerak ataupun wujudkan permainan. Di samping bertukar-tukar fikiran dengan murid-murid mengenai apa sahaja perkara yang menarik minat mereka dan sesuai dengan mereka.

#### **4.7.6 Berbakat**

Setiap manusia yang lahir didunia ini mempunyai bakat masing-masing. Tidak ada manusia yang tidak mempunyai bakat langsung. Setiap orang mempunyai bakat yang berbeza. Bakat dan minat yang dimiliki adalah aset yang penting bagi murid-murid seperti ini.

GSPKCP seringkali berkongsi bakat dengan murid-murid mereka. GSPKCP berusaha menyemai bakat yang ada dalam diri murid-muridnya. Sudah tentu dapat diperkembangkan bakat murid-murid ini di dalam diri mereka. Sebagai GSPKCP bertanggungjawab bagi mencungkil bakat yang ada. Mungkin bakat yang wujud dalam diri murid itu tidak perlu dicungkil lagi kerana terserah kebolehannya. Contohnya murid-murid ini mempunyai bakat dalam bidang kraftangan. Tanggungjawab GSPKCP ialah mengasah bakatnya. Kebolehan GSPKCP mengasah bakat murid-murid dapat membantu serta membimbing murid-muridnya. Mungkin kerana bakat itu, mereka dapat berdikari dan akhirnya menjadi sebagai karier yang dapat menghasilkan sumber pendapatan mereka suatu hari kelak.

#### **4.7.7 Sabar**

Menjadi guru pendidikan khas, sifat sabar menjadi pegangan dalam diri GSPKCP. Mengajar murid cacat pendengaran perkataan sabar merupakan kunci kejayaan dalam karier sebagai guru pendidikan khas. Mereka memandang murid-murid ini adalah insan yang ‘istimewa’ yang tidak mengerti apa-apa dan perlukan bimbangan. Mereka sedar sebagai guru pendidikan khas adalah memberi sumbangan bagi membentuk mereka sebagai insan yang berguna. Guru-guru ini dapat mengawal sifat sabarnya apabila melihat wajah murid-murid ini memandang ke arah mereka. Terdapat satu tarikan yang kuat

dalam diri guru-guru untuk menyumbang bakti dan terus bersama dengan murid-murid ini.

#### **4.7.8 Empati dan Prihatin**

GSPKCP ini juga memiliki sikap empati dan prihatin. Sifat sebegini dapat membimbing mereka menjadi manusia yang berguna. Guru-guru adalah orang yang penting dalam diri mereka, kerana guru-guru dapat membimbing mereka menghadapi hidup pada masa akan datang. Mereka tidak mengharapkan kepada ibu-bapa mereka dalam mendidik mereka, kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai ilmu dalam bidang kebahasaan cacat pendengaran. Dengan itu mereka mengharapkan sepenuhnya daripada guru untuk membantu mereka supaya dapat berdikari dan menjadi manusia yang berjaya.

#### **4.7.9 Humor dan Periang**

Kebanyakan responden mempunyai sifat humor dan periang. Sifat-sifat sebegini sudah tentu disenangi oleh murid-murid. Humor adalah perkara yang digemari oleh murid-murid ini. Kerana sifat ini membuatkan murid-murid sering ketawa dan riang. Di sini guru-guru ini berjaya menghidupkan kelas dan juga dapat memotivasi mereka untuk datang ke sekolah.

Murid-murid ini adalah murid yang mudah ketawa. Apabila GSPKCP membuat jenaka yang melucukan contohnya membuat mimik muka yang agak pelik, pastinya mereka ketawa. Apa sahaja tingkah laku yang guru-guru pamerkan pasti menghiburkan mereka. Guru yang periang menjadi pilihan murid-murid. Murid tidak segan silu bercerita pada guru-gurunya kerana kerana gurunya melayan dengan baik. Mereka akan terhibur dengan sikap guru-gurunya.

#### **4.7.10 Puji**

Murid-murid cacat pendengaran merasa bangga sekiranya dipuji. Pujian adalah ganjaran positif dalam diri murid-murid ini. Pelbagai cara yang digunakan oleh GSPKCP untuk memuji mereka. Murid-murid ini akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mendapatkan pujian daripada guru-guru mereka. Guru-guru tidak mendesak mereka untuk melakukan sesuatu dalam pembelajaran. Guru-guru juga tidak menekan kelemahan mereka. Malah guru-guru memberi peluang untuk cuba menyerlahkan kelebihan dalam diri mereka. Dengan berbuat demikian, murid-murid pekak menjadi lebih bermotivasi bagi memperbaiki kelemahannya supaya mendapat pujian daripada guru-guru mereka. Setiap murid mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri.

Pujian memainkan peranan penting dalam diri murid kerana murid sentiasa mengingati pujian guru dan berasa bangga apabila hasil yang dilakukan mendapat perhatian guru. Walaupun sesuatu yang dilakukan adalah kecil, guru-guru tetap memberi pujian kepada murid-muridnya. Ini memberikan kesan yang besar pada diri murid. Pengukuhan tetap diberikan dalam memberi pujian, supaya murid tahu apa yang dilakukan olehnya sehingga ia layak menerima pujian. Dengan cara ini, akan menggalakkan murid-murid lain mendengar pujian itu dan berusaha untuk melakukan yang terbaik juga supaya mendapat pujian.

#### **4.7.11 Tegas**

GSPKCP ini juga tegas dalam mendidik murid-muridnya. Sifat tegas guru-guru kepada murid-muridnya adalah untuk melihat mereka berjaya. Sifat tegas guru bukan bererti mendera mereka tetapi semata-mata memastikan mereka mematuhi disiplin dalam

membentuk peribadi yang positif. Tanpa sikap tegas dalam diri guru, mustahil murid pendidikan cacat pendengaran berjaya.

Sikap tegas yang ada dalam diri GSPKCP dapat mengubahsuai tingkah laku murid-murid pekak. Sekiranya guru-guru tidak tegas, murid memandang remeh atas tindakan guru-guru pada masa akan datang. Apabila berlaku sesuatu kejadian yang tidak elok GSPKCP dengan serta merta memberhentikan tingkah laku tersebut. Terdapat beberapa cara yang telah dipraktikkan oleh GSPKCP bagi pengubahsuaian tingkah laku. Bagi memperkemaskan lagi teknik-teknik pengubahsuaian tingkah laku, GSPKCP membuat rujukan daripada bahan bacaan seperti buku, majalah, akhbar dan sebagainya. Tidak ada teknik yang terbaik kerana semuanya bergantung kepada individu.

#### **4.7.12 Kasih sayang**

Semua manusia memerlukan kasih sayang lebih-lebih lagi murid cacat pendengaran. Mereka dahagakan kasih sayang. Kekurangan yang mereka miliki membuatkan mereka ingin dikasihi dan disayangi melebihi daripada orang lain. Mereka ingin mengatasi perasaan *inferioriti* mereka melalui kasih sayang orang lain terhadap mereka.

Hati murid-murid pekak sangat sensitif. Apabila guru-guru menunjukkan kasih sayang kepada mereka, mereka memberikan kasih sayang kepada guru-gurunya berganda-ganda. Apabila mereka menyayangi guru-guru, mereka sentiasa seronok apabila guru-guru mengajar mereka. Sudah tentu mereka menunjukkan minat dan melakukan bersungguh-sungguh tugas yang diberikan oleh guru-guru.

Perasaan kasih sayang yang wujud di dalam diri guru-guru, sudah pasti guru-guru mempunyai semangat dan azam yang kuat bagi membantu mereka. Mereka memerlukan sokongan guru-guru. Apabila guru-guru menganggap mereka sebagai anak,

sudah pasti sebahagian daripada masalah mereka dapat di atasi. Sekiranya tidak mempunyai perasaan kasih sayang terhadapnya, agak sukar untuk membimbingnya dan juga sukar mendorong mereka mencapai matlamat.

#### **4.8 Penutup**

Mengajar murid-murid pekak memerlukan pergorbanan yang tinggi. Guru-guru perlu menumpukan sepenuh perhatian dan memperuntukan masa yang lama dalam mendidik murid-murid pekak. Perhatian dan memperuntukkan masa yang lebih kepada murid pekak adalah kunci kejayaan murid-murid pekak. Walaupun begitu sifat-sifat positif guru adalah penentu kejayaan dalam membantu mereka menguasai bahasa. Apabila faktor-faktor ini diganding akan terhasilah pembelajaran dan pengajaran yang sempurna.